| Nor Syamimi Mohd, Ammar Fadzil & Nadzrah Ahmad | Pendekatan Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi terhadap Isu Wanita dalam Manuskrip *Qur'an Bergantung Makna Melayu* | 3.30 |
| Juliyana Junaidi, Latifah Abdul Majid, Mohd Arif Nazri | How The Prophet Empowered the People with Special Needs | 3.45 |

**JADUAL PEMBENTANGAN DALAM TALIAN**

**Sidang Selari 3**

Join Zoom Meeting
https://ukm-edu-my.zoom.us/j/98049718708?pwd=T01CSWR2RHhvNXNDbXo0akhiNWZXZz09
Meeting ID: 980 4971 8708
Passcode: 780738

**Moderator: Dr. Izuli Dzulkifli**
**Bilik 4 (Masa: 3.00 – 4.00 Petang)**

| Pembentang | Tajuk | Masa |
|---|---|---|
| Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi, Abdul Hafiz Abdullah, Aminuddin Hehsan | Isu dan Cabaran Penilaian Ciri Quranik di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu | 3.00 |
| Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Nadia Mohd Yusof, Mohd Anuar Bin Ramli, Hussein 'Azeemi Bin Abdullah Thaidi, Mohd Farhan Bin Md Ariffin, Muhamad Firdaus Ab Rahman | Teknologi Rahim Buatan Menurut Pertimbangan Islam | 3.15 |
| Andi Rahman | Divine And Human Aspect in The Prophet and Its Implication on The Understanding of Hadith | 3.30 |
| Rahim Kamarul Zaman, Khairulnazrin Nasir, Ikmal Adnan, Nik Abdul Hayyi Nik Idris, Ayu Nor Azilah Mohamad | Pemerkasaan Teras Integrasi Nasional di Malaysia Berpandukan Perspektif Surah Madaniyyah | 3.45 |

**JADUAL PEMBENTANGAN BERSEMUKA**
**Sidang Selari 4**

**Moderator: Dr. Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi**
**Bilik 1 (Masa: 4.00 – 5.00 Petang)**

| Pembentang | Tajuk | Masa |
|---|---|---|
| Nurul Suhaida Ibrahim, Latifah Abdul Majid | Pentakrifan Kemiskinan Haid Menurut Perspektif Islam | 4.00 |
| Nik Siti Hajar, Latifah Abdul Majid, Sabri Mohamad | Sorotan Literatur Pendidikan Al-Quran Anak-Anak Ibu Bapa Bekerjaya | 4.15 |
| Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, Mohd Farhan Md Ariffin | Ketokohan Dan Sumbangan Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah Dalam Wacana Hadith Semasa | 4.30 |

**Moderator: Dr. Mohd Manawi Mohd Akib**
**Bilik 2 (Masa: 4.00 – 5.00 Petang)**

| Pembentang | Tajuk | Masa |
|---|---|---|
| Mohd Manawi Bin Mohd Akib, Hamdi Ishak, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi, Che Zarrina Sa'ari, Sharifah Basirah Syed Muhsin | *Al-Ruh* Dan Penciptaannya Menurut Al-Razi Di Dalam *Mafatih Al-Ghayb*: Satu Aspek Psikospiritual Islam | 4.00 |
| Izuli Dzulkifli, Mahfuzah Zohdi, Norshaidayani Samah, Ameer Arif Iskandar | Pelupusan Al-Quran Melalui Kaedah Deinking Berdasarkan Fatwa di Malaysia | 4.15 |
| Ameer Areff Iskandar, Latifah Abdul Majid | Salah Faham Mengenai Kaedah Pelupusan Bahan Cetakan Al-Quran | 4.30 |

**JADUAL PEMBENTANGAN DALAM TALIAN**
**Sidang Selari 4**

ROOM 1 Google Meet : meet.google.com/htu-esbr-zrc

**Moderator: Puan Nor Syamimi Mohd**
**Bilik 3 Masa: (4.00 – 5.00 Petang)**

| Pembentang | Topik | Masa |
|---|---|---|
| Sherina Wijayanti | The Implementation of Isnad Cum Matan Theory Upon Hadith of People Hastening Their Shalat Because of Baby Cry | 4.00 |
| Ikmal Hafiz Jamal, Siti Fatimah Binti Mohd Tawil, Norzulaili Mohd Ghazali | The Development of Ontology in Hadith Studies: A Bibliometric Analysis | 4.12 |

| | | |
|---|---|---|
| Nursyahirah Wahidah Binti Masrom, Mahyuddin Bin Hashim, Abdul Rahim Bin Zumrah, Zamrie Bin Ibrahim @ Musa, Mazlan Bin Ibrahim, Ahmad Bin Yussuf | Analisis Keperluan Terhadap Elemen Tasawuf Dalam Pembangunan Modul Integriti Perkhidmatan Awam di Malaysia | 4.25 |
| Nur Zahidah Binti Che Mohamed, Mohd Nazri Bin Ahmad & Nor Syamimi Binti Mohd | Lokasi Arkeologi Dalam Al-Quran: Analisis Berdasarkan Bentuk Susunan Surah Panjang Dan Pendek | 4.35 |
| Sharif Mohd Farid Sharif Basa, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi | Didik Hibur Sebagai Amalan Pengajaran Yang Berkesan Oleh Guru Tasmik di Malaysia: Satu Soroton Literatur | 4.47 |

ROOM2 Join Zoom Meeting
https://ukm-edu-my.zoom.us/j/98049718708?pwd=T01CSWR2RHhvNXNDbXo0akhiNWZXZz09

Meeting ID: 980 4971 8708
Passcode: 780738
**Moderator: Dr. Wan Hilmi Wan Abdullah**
**Bilik 4 Masa: (4.00 – 5.00 Petang)**

| Pembentang | Tajuk | Masa |
|---|---|---|
| Abd. Khalim Kasmuri, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd Nazir Kadir & Muhammad Faris Abd Jalil | Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Matapelajaran Pelajar Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim | 4.00 |
| Ainiyatul Latifah | Hak Pengasuhan Dan Perlindungan Anak: Sebuah Relasi Kesetaraan Orang Tua dan Anak Perspektif Qs. Al-Isra' Ayat 24 | 4.15 |
| Maizatul Akmal Atan, Norsyamimi Mohd | Kesan Pendayagunaan Telegram Dalam Model Tasmik J-QAF Bagi Murid Tahun Enam Di Sekolah Kebangsaan Panchor | 4.30 |
| Zayd Thabit Abdulrahman, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad | القراءات القرآنية وأثرها في حفظ المقاصد الاقتصادية | 4.45 |

## ABSTRAK KERTAS KERJA

1

### *Al-'Ardah Al-Akhirah* dan *Qira'at Qur'aniyyah*

Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*sabri_m@ukm.edu.my*

Al-'Ardah al-Akhirah atau pembentangan al-Quran terakhir oleh Rasulullah SAW di hadapan Jibril AS telah thabit berlaku melalui pembuktian hadith-hadith sahih. Pembentangan al-Quran terakhir juga adalah penentu kepada teks al-Quran yang terakhir yang kekal untuk dibaca sebagai ibadat dan penasakhan teks yang tidak dibaca lagi dengan kehendak Allah Taala. Objektif utama artikel ini membicarakan hubungan pembentangan al-Quran terakhir dengan Qiraat Quraniyyah dari beberapa sudut, seperti kewujudan qiraat sebelum dan selepas al-'ardah al-akhirah, pengekalan teks al-Quran yang dibaca dan pemisahan dengan qiraat yang ditolak. Hubungan kehadiran sahabat RA dalam pembentangan terakhir juga akan dikupas, qiraat dalam masahif 'Uthmaniyyah dan qiraat pada zaman pengumpulan al-Quran oleh sahabat RA. Pendekatan penulisan artikel adalah menggunakan kajian kepustakaan melalui analisa bahan-bahan dokumen dan rujukan-rujukan yang ada. Dapatan penulisan menunjukkan al-'ardah al-akhirah sangat berkait dengan ilmu qiraat terutamanya dari sudut penasakhan qiraat yang tidak lagi diamalkan dan isu-isu yang berkaitan.

2

### *Al-Ruh* dan Penciptaannya Menurut Al-Razi Di Dalam *Mafatih Al-Ghayb*: Satu Aspek Psikospiritual Islam

Mohd Manawi bin Mohd Akib[1], Hamdi Ishak[1], Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi[1], Che Zarrina Sa'ari[2], Sharifah Basirah Syed Muhsin[2]
[1]*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
[2]*Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*
*manawi@ukm.edu.my*

A*l-ruh* atau jiwa merupakan unsur utama dalam diri manusia yang bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi setiap keputusan dan tindakan manusia. Justeru, sewajarnya setiap manusia mengetahui dan mengenali *al-ruh* dari sudut hakikatnya, sejauhmana potensi yang terdapat padanya dan konsep kebahagiaannya. Dalam epistemologi Islam, al-Quran merupakan sumber utama yang paling berautoriti sebagai rujukan dalam segala aspek termasuk persoalan *al-ruh* ini. Di samping itu, persoalan *al-ruh* juga turut menjadi topik perbahasan di kalangan ahli falsafah Islam di bawah tema kewujudan (Ontologi). Justeru, artikel ini cuba melihat salah satu isu dalam perbincangan hakikat *al-ruh* iaitu konsep penciptaan *al-ruh* dari sumber utama Islam iaitu al-Quran melalui tafsiran dan kupasan beberapa ayat yang berkaitan oleh salah seorang ahli tafsir Ensiklopedik iaitu Imam Fakhr al-Din al-Razi. Metode kepustakaan ini akan meneliti karya Fakhr al-Din al-Razi iaitu *al-Tafsir al-Kabir,* di samping beberapa karya beliau yang lain seperti *al-Mabahith al-Mashriqiyyah, al-Matalib al-'Aliyah* dan lain-lain yang mewakili disiplin ilmu tafsir dan falsafah Islam bagi melihat kesinambungan idea beliau dari kedua-dua disiplin tersebut serta perbandingan dengan pandangan sarjana Muslim sebelumnya yang terkemuka dalam disiplin ini iaitu Ibn Sina dan al-Ghazali. Artikel mendapati bahawa *al-ruh* bukannya qadim bahkan ia adalah baru dan ia diciptakan bersama ketika penciptaan badan. Walaupun secara umumnya didapati pendapat al-

Razi selari dengan Ibn Sina dan al-Ghazali, namun penelitian lanjut mendapati bahawa masih terdapat kelompongan pada pendapat Ibn Sina berbanding al-Ghazali dan al-Razi.
Kata kunci: *al-ruh*, al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, falsafah Islam

3

**Analisis Elemen KBAT Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian Hifz Al-Quran Di Bawah Kurikulum Bersepadu Tahfiz**

Mohd Faizulamri Mohd Saad, Nur Syuhada Mohd Ataa, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*
*faizam@ukm.edu.my*

Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan untuk memperkasakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk berdaya saing dalam kehidupan dunia yang semakin pesat. Elemen KBAT yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) turut diimplementasi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) bagi mata Pelajaran Hifz al-Quran yang berada di bawah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Penerapan elemen KBAT di dalam mata Pelajaran Hifz al-Quran telah diadaptasi dari Taksonomi Bloom Semakan Anderson, yang juga diguna pakai dalam kesemua kurikulum pendidikan yang berada di bawah kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kajian lepas mengenai KBAT dan kurikulum tahfiz menunjukkan kelompongan dan perlunya kajian mendalam yang terkini bagi menyesuaikan dengan perkembangan pesat pendidikan tahfiz masa kini. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis elemen KBAT di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran, dari sudut kata kerja yang digunakan pada Organisasi Kandungan yang disenaraikan dalam dokumen tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen, data yang berkaitan dengan KBAT dan KBT dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis kandungan dokumen menunjukkan terdapat elemen KBAT yang dikenal pasti dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran dan boleh dikelaskan kepada tiga domain utama elemen KBAT iaitu, kognitif, afektif dan psikomotor.
Kata kunci: KBAT, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Hifz al-Quran, DSKP, Taksonomi Semakan Bloom

4

**Analisis Hadith *Khuruj Fi Sabilillah* Yang Digunakan Dalam Kalangan Golongan Mastūrat**

Adibah binti Bashir Ahmad, Khadher Ahmad
*Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

Makalah ini akan membahas mengenai salah satu amalan utama dalam kalangan golongan Mastūrat iaitu *Khuruj fi Sabilillah*. Ia merupakan kaedah dakwah memperbaiki diri melalui amalan agama yang bertepatan dengan al-Quran dan Sunnah serta meneladani dakwah para Sahabat ra. Berdakwah dengan kaedah *Khuruj fi Sabilillah* di kalangan Mastūrat memerlukan masa setiap anggotanya secara berperingkat iaitu selama tiga hari setiap tiga ke empat bulan sekali, lima belas hari, empat puluh hari dan dua bulan di India dan Pakistan. Makalah ini akan menganalisis mengenai kualiti hadith *Khuruj fi Sabilillah* yang digunakan dalam kalangan golongan Mastūrat. Penelitian ini menggunakan kajian perpustakaan (*library research*), iaitu mengambil data hadith-hadith yang terindentifikasi daripada literatur yang dilihat mempunyai kaitannya dengan tema penelitian. Data hadith yang diperoleh tersebut selanjutnya dinalisis melalui metodologi takhrij hadith. Hasil penelitian menunjukkan, secara keseluruhan jumlah hadith yang diidentifikasi sebanyak 9 hadith. Hadith-hadith tersebut membahasa seputar keutamaan-keutamaan *Khuruj fi Sabilillah*.

Berdasarkan hasil analisis hadith, dari 9 hadith yang diteliti dapat dijelaskan bahawa hanya 5 hadith sahaja yang berstatus sahih dan hadith yang lainnya adalah berstatus di antara *hasan sahih, hasan lighayrihi*, dan *hasan sahih gharib.*
Kata Kunci: *Mastūrat, Khuruj fi Sabilillah, Hadith*

5

**Analisis Kepelbagaian *Sighat Amr* Bagi Konteks Hutang Dalam Surah Al-Baqarah**

Syakirah Binti Rifa'in@Mohd Rifain, Mat Taib Bin Pa
*Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik,*
*Universiti Malaya*
*syakirah87@um.edu.my*

Kajian ini membincangkan mengenai gaya bahasa *amr* berkaitan hutang dalam surah al-Baqarah. Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu yang pertama untuk mengenal pasti bentuk dan tujuan *amr* dan yang kedua untuk merumuskan kepelbagaian bentuk *amr* bagi konteks hutang dalam surah al-Baqarah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dianalisis menggunakan teknik analisis teks berdasarkan konteks ayat dengan menggunakan tafsir-tafsir yang berkaitan oleh ulama silam dan moden. Bagi objektif pertama kajian ini menggunakan Teori Fadl Hasan 'Abbas (1997) manakala objektif kedua pula menggunakan pendapat al-Zuhayliy (1991). Dapatan kajian mendapati bahawa konteks hutang mempunyai tiga bentuk *amr* iaitu *fi' il amr, uslub khabariy* yang memberi makna *insyaiy* dan *lam amr*. Manakala terdapat tiga tujuan *amr* bagi konteks ini iaitu wajib, *ibahah* dan sunat. Seterusnya bagi mesej tersirat kepelbagaian bentuk *amr* kajian ini merumuskan bahawa *fi'il amr* digunakan sebagai arahan yang sangat tegas dan kuat yang menunjukkan kesungguhan untuk menjelaskan perkara-perkara asas dan *uslub khabariy* yang memberi makna *insyaiy* pula bersifat kelembutan kerana ia melibatkan perkara yang sukar. *Lam amr* pula merupakan pengukuhan terhadap perkara-perkara perincian. Secara kesimpulannya, kepelbagaian *sighat amr* yang digunakan mengikut konteks dan situasi tertentu mempunyai keunikan dan mesej tersirat. Ini merupakan satu dapatan baru yang belum dihasilkan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini dan kajian ini boleh dilanjutkan lagi dalam surah lain selain al-Baqarah.
Kata kunci: Balaghah, gaya bahasa *amr*, hutang, al-Baqarah.

6

**Analisis Keperluan Terhadap Elemen Tasawuf Dalam Pembangunan Modul Integriti Perkhidmatan Awam di Malaysia**

Nursyahirah Wahidah Binti Masrom[1], Mahyuddin Bin Hashim[1], Abdul Rahim Bin Zumrah[1], Zamrie Bin Ibrahim @ Musa[1], Mazlan Bin Ibrahim[2] & Ahmad Bin Yussuf[3]
*[1]Universiti Sains Islam Malaysia*
*[2]Universiti Kebangsaan Malaysia*
*[3]Universiti Malaya*
*nursyahirahwahida@raudah.usim.edu.my*

Dalam memacu pentadbiran awam yang bertaraf global dan dinamik, Malaysia sedang berusaha menambah baik sistem pentadbiran kepada yang lebih sistematik dengan melaksanakan transformasi nilai. Integriti merupakan nilai utama dalam memastikan setiap penjawat awam berkerja secara adil, jujur, profesional dan amanah tanpa melibatkan diri dengan penyelewangan serta rasuah. Bagi meningkatkan prestasi dan anjakan terhadap pengurusan dan pentadbiran berasaskan integriti, membangunkan modul penjawat awam berdasarkan nilai-nilai kerohanian adalah perlu dalam pentadbiran awam. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji

analisis keperluan terhadap elemen Tasawuf dalam pembangunan modul integriti dalam kalangan sektor awam di Malaysia. Objektif kajian yang pertama adalah mengenal pasti konsep modul integriti dalam konteks penjawat awam. Kedua, mengenal pasti persepsi peserta terhadap penilaian kursus integriti dari aspek modul. Ketiga, menganalisis keperluan elemen kerohanian berunsur Tasawuf dalam pelaksanaan modul integriti. Seramai 12 orang informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada penceramah dan pegawai yang menyertai kursus integriti. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah kualitatif dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Atlas.ti 8.0. Hasil kajian menunjukkan aspek Tasawuf memberikan penekanan kepada pendidikan rohani yang menyumbang kepada pembentukan integriti individu. Di samping itu, pembentukan rohani adalah merupakan intipati aspek Tasawuf berbanding teori atau model sedia ada yang tidak memfokuskan kepada aspek tersebut. Justeru, penekanan aspek rabbaniyyah yang bersumberkan al-Quran perlu diberikan keutamaan berbanding aspek-aspek lain. Oleh itu, beberapa cadangan elemen Tasawuf dikemukakan sebagai panduan. Kajian ini membantu dalam menangani rasuah dengan mempromosikan ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti dalam semua pentadbiran kerajaan seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), iaitu matlamat 16 yang mempromosikan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan.
Kata Kunci: Tasawuf; Modul; Integriti; Perkhidmatan Awam

7

**Ayat Al-Quran dan Hadis Nabi SAW Dalam Mathnawi Karangan Jalaluddin Al-Rumi**

Manar Muhammad, Indriaty Ismail
*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*
*p114413@siswa.ukm.edu.my*

Perbincangan ini bertujuan untuk mengkaji ayat al-Quran dan Hadis Nabi SAW yang dijadikan panduan oleh Jalaluddin al-Rumi dan dimasukkan dalam kitab karangannya iaitu Mathnawi. Objektif utama kajian ini ialah untuk menegaskan bahawa akidah dan pemikiran Jalaluddin al-Rumi bertepatan dengan al-Quran dan Hadis serta tidak menyimpang daripada kefahaman agama Islam yang sebenar. Justeru, kajian ini juga bertujuan membidas tanggapan masyarakat dari Barat yang menyangka Jalaluddin al-Rumi cuma berbicara tentang cinta semata-mata, sedangkan kajian ke atas Mathnawi membuktikan Jalaluddin al-Rumi sentiasa mengaitkan semua ajarannya dengan budaya Islam. Penulisan ini menggunakan metodologi kajian secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Implikasi artikel ini menampakkan bahawa pengajian tasawuf dari tokoh sufi seperti Jalaluddin al-Rumi berpegang kepada al-Quran dan Hadis dalam ajarannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat rujukan al-Quran dan Hadis Nabi SAW di dalam kitab Mathnawi yang menjadi teras kepada kefahaman Jalaluddin al-Rumi yang selama ini telah diketepikan oleh penulis Barat di dalam karya terjemahan mereka.
Kata kunci: Jalaluddin al-Rumi; Mathnawi; al-Quran; Hadis; pemikiran tokoh

8

**Didik Hibur Sebagai Amalan Pengajaran Yang Berkesan Oleh Guru Tasmik Di Malaysia: Satu Soroton Literatur**

Sharif Mohd Farid Sharif Basa, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*P120929@siswa.ukm.edu.my*

Amalan pengajaran guru tasmik yang berkesan di Malaysia menjadi perkara penting dalam membentuk generasi yang kamil. Generasi inilah yang bakal menyampaikan dakwah dan menyebarkan syiar Islam di seluruh dunia suatu hari nanti. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk menyoroti elemen-elemen amalan pengajaran berkesan oleh guru tasmik di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Data dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis literatur mendapati bahawa elemen-elemen amalan mengajar yang berkesan boleh diperkasakan oleh guru tasmik dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang berpusatkan murid serta mampu menarik minat mereka untuk belajar khususnya melalui aktiviti didik hibur. Melalui pelaksanaan aktiviti berkonsepkan aktiviti didik hibur tersebut, guru tasmik mampu meningkatkan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid. Implikasi daripada sorotan ini menunjukkan justifikasi yang signifikan terhadap keperluan kajian lanjut berkaitan elemen-elemen amalan pengajaran oleh guru tasmik yang berkesan agar boleh dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh di seluruh Malaysia.
Kata Kunci: Didik Hibur, Pengajaran, Guru Tasmik, al-Quran

9

**Eksplorasi Pendidikan Hadis Menerusi Tren Pengajian dan Penulisan di Malaysia Dalam Era Kontemporari**

Latifah Abdul Majid
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*umilm@ukm.edu.my*

Era kontemporari telah membentuk pengajian hadis yang lebih sistematik dengan kewujudan teknologi yang canggih sehingga membawa kepada perkembangannya, tidak hanya berfokus kepada institusi-institusi formal dan tidak formal bahkan berkembang kepada pengajian melalui media massa seperti media penyiaran, media sosial dan pengaplikasian teknologi terkini seperti aplikasi telefon mudah alih, laman sesawang dan perisian komputer. Di samping itu, penulisan hadis juga seiring dengan perkembangan ini. Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai tren dan pola penulisan telah digunakan untuk menarik minat masyarakat sama ada yang beragama Islam mahupun tidak. Namun dengan berkembangnya pengajian dan penulisan hadis ini maka pelbagai cabarandihadapi untuk memartabatkannya di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggaplikasikan kaedah analisis dokumen. Hasilnya, terdapat inovasi yang sangat baik untuk memudahkan lagi proses pengajian berlangsung namun ia turut mendatangkan cabaran yang pelbagai darisegenap aspek. Didapati juga beberapa tren penulisan hadis pada era ini seperti terjemahan pelbagai bahasa, takhrij dan tahqiq, syarah hadith dalam bahasa Melayu, syarah hadis 40, penulisan hadis secara maudhu'i. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan mampu menyumbang penelitian lanjut mengenai tren pengajian dan penulisan hadith di Malaysia yang memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak.
Kata kunci: Pendidikan, Tren, penulisan, Pengajian, Hadis, Kontemporari, Nusantara

10

**Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Matapelajaran Pelajar Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI)**

Abd. Khalim Kasmuri[1], Mohd Faizulamri Mohd Saad[2], Mohd Nazir Kadir[1] , Muhammad Faris Abd Jalil[1]
*[1]Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, Johor Darul Ta'zim,*
*[2]Pusat Kajian Al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor*
*abd.khalim@marsah.edu.my*

Sektor pendidikan amat penting bagi setiap individu dan merupakan tunjang kepada pengetahuan atau ilmu seseorang. Ilmu pengetahuan dan masyarakat juga tidak boleh dipisahkan, sama ada di Negara maju, Negara membangun mahupun mundur. Terdapat pelbagai kaedah dan teknik kecermelangan yang dapat digapai oleh mahasiswa sepanjang pengajian mereka. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pencapaian matapelajaran mahasiswa di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI). Bagi tujuan tersebut pemilihan metode kajian adalah berdasarkan soal selidik telah dijalankan kepada mahasiswa yang mendapat keputusan cemerlang. Kajian ini melibatkan 18 responden mahaiswa wakil daripada seluruh kurus diploma di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) iaitu diploma Tahfiz Al-Quran Wa Al Qraat, Diploma Pendidikan tahfiz, Diploma Syariah, Diploma Usuluddin, Diploma Pendidikan Islam, Diploma Perbankan Islam, Diploma Kewangan Islam, Diploma Pengurusan Dakwah, dan Diploma Pendidikan awal kanak-kanak. Secara keseluruhannya, melalui kajian ini boleh mengetahui kaedah yang sesuai untuk dijadikan panduan kepada mahasiswa yang lain dalam mencapai keputusan yang cemerlang.
Kata kunci: Pendidikan, Faktor kecemerlangan, Pencapaian matapelajaran.

11

**Gagasan Malaysia Madani: Analisis Korelasi Enam Nilai Teras Ketamadunan Daripada Kisah Nabi Sulayman (AS) Dalam Surah Al-Naml**

Khairulnazrin Nasir[1], Rahim Kamarul Zaman[1], Ikmal Adnan[2], Khalilullah Amin Ahmad[3] & Siti Sarah Izham[4]
*[1]Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)*
*[2]Open University Malaysia*
*[3]Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*
*[4]Universiti Teknologi MARA (UITM)*
*khairulnazrin19@gmail.com*

Al-Quran telah memberi panduan secara teori dan praktikal tentang kedudukan institusi negara dalam Islam. Salah satu surah yang membincangkan prinsip-prinsip kenegaraan ialah Surah al-Naml. Surah yang mengandungi 93 ayat ini menceritakan tentang kisah Nabi Sulayman AS, seorang Nabi dan raja yang dikurniakan kebijaksanaan dan empayar yang besar. Mutakhir ini, terdapat kebimbangan terhadap penghakisan nilai dan integriti, serta penyebaran materialisme, individualisme dan hedonisme. Justeru, menyedari hal ini, gagasan Malaysia Madani telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Anwar Ibrahim, pada Januari 2023 bagi menerapkan nilai-nilai teras secara optimum terhadap rakyat dan pemimpin. Dalam pada itu, kisah Nabi Sulayman AS merupakan tamadun yang ditonjolkan oleh al-Quran dalam Surah al-Naml. Persoalannya, adakah terdapat korelasi antara nilai teras Malaysia Madani dan nilai-nilai yang terkandung dalam kisah Nabi Sulayman AS? Maka, kajian ini berusaha mengenal pasti aspek korelasi antara dua nilai teras tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara

kepustakaan. Analisis kandungan dilakukan terhadap dokumen rasmi Malaysia Madani dan tafsiran para ulama terhadap kisah Nabi Sulayman AS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa enam nilai teras Malaysia Madani, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan mempunyai hubung kait yang signifikan dengan pengajaran dan nilai yang terkandung dalam kisah Nabi Sulayman AS, sama ada pada watak Baginda sendiri, semut, burung hud-hud, Ratu Balqis dan para pembesar, sama ada secara konsep dan praktikal. Kesimpulannya, pengaplikasian nilai-nilai teras ini mampu memacu Malaysia ke arah negara maju dan bertamadun.
Kata Kunci: Malaysia Madani, Sulayman, Balqis, kisah al-Quran, Surah al-Naml.

12
**Isu dan Cabaran Penilaian Ciri Quranik Di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu**

Muhammad Dhiauddin Ahmad Termizi, Abdul Hafiz Abdullah, Aminuddin Hehsan
*Universiti Teknologi Malaysia*
*dhiauddin@graduate.utm.my*

Keagungan al-Quran sudah sangat diiktiraf oleh seluruh dunia, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat muslim, bahkan para cendekiawan bukan muslim turut mengiktiraf kemukjizatan al-Quran. Sebagai satu usaha mengekalkan kesucian al-Quran daripada diubah dan diseleweng, maka kelahiran para huffaz yang mutqin adalah diperlukan. Justeru, suatu sistem pendidikan tahfiz yang holistik dan bersepadu perlu diwujudkan agar pembinaan huffaz mutqin ini dapat dijamin. Sekolah Menengah (SM) Imtiaz Terengganu adalah antara perintis dalam melahirkan para huffaz profesional, penghafaz al-Quran yang mampu berkecimpung dalam bidang profesional. Namun demikian, kajian terhadap penilaian di SM Imtiaz Terengganu masih agak asing. Tambahan, pencapaian dari sudut hafazan bagi pelajar di SM Imtiaz Terengganu masih jauh daripada apa yang digariskan di dalam misi ciri Quranik Ulul Albab. Untuk itu, kajian ini akan membahaskan beberapa isu dan cabaran terhadap penilaian ciri Quranik di SM Imtiaz Terengganu. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dengan menilai dan menganalisis data daripada kajian terdahulu, artikel-artikel terkait, sumber-sumber rasmi, dan data-data lain. Antara cabaran dalam menyelesaikan kajian ini adalah strategi yang diperlukan untuk memapankan ciri quranik dalam diri pelajar dan memberi masukan bermanfaat kepada dasar pendidikan tahfiz negara. Selain itu, menjadi cabaran buat kajian ini untuk memberikan mekanisma maklum balas keseimbangan yang baik buat pihak berpekentingan. Tambahan, penggunaan model cipp yang menggunakan penyelidikan kajian campuran turut menjadi cabaran dalam kajian ini disebabkan penggunaan instrumen kajian yang meluas dan analisis data yang rumit. Diharapkan kajian ini mampu memberikan masukan yang positif kepada pembaca dan pihak berkepentingan, sebagai suatu sumbangan keilmuan dalam bidang hafazan di Malaysia khususnya.
Kata Kunci: Quranik; Ulul Albab; Imtiaz; Penilaian

13
**Kaedah *Tawfīq MaᶜĀni Al-Qiraat* Dalam Kitab-Kitab Tafsir**

Muhammad Auf Bin Norzan Shah, Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Kewujudan pelbagai qiraat dalam karya tafsir membuktikan keprihatinan para sarjana tafsir terhadap kehujahan qiraat. Kehujahan qiraat adalah metode pentafsiran al-Quran yang muncul seawal zaman sahabat RA lagi. Setiap penulis tafsir mempunyai pendekatan berbeza dalam menentukan jenis qiraat pilihan mereka namun timbul kepincangan apabila sebahagian sarjana tafsir mengingkari sesetengah qiraat *mutawātirah* dengan alasan hujah tatabahasanya dilihat

lemah dan tidak boleh diterima seperti yang dilakukan oleh al-Ṭabarī dan Ibn ᶜAṭiyyah al-Andalūsi. Sedangkan kaedah asal dalam menanggapi perbezaan qiraat adalah dengan men*tawfīq*kan *maᶜāni al-qiraat* kerana menggunakan dua dalil adalah lebih baik daripada mengabaikan salah satu daripadanya. Pengaplikasian kaedah ini dalam perbahasan ikhtilaf qiraat dilihat lebih harmoni dan lebih baik berbanding *tarjīh* yang boleh membawa kepada berlakunya pengabaian terhadap qiraat khususnya yang berstatus *mutawātirah* bahkan sehingga tahap hampir menggugurkan qiraat tersebut. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti kaedah *tawfīq maᶜāni al-qiraat* yang dilakukan oleh sarjana tafsir dalam kitab-kitab tafsir. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data bersumberkan kepada analisis dokumen yang terdiri daripada tafsir *al-Jāmiᶜ li Ahkām al-Quran* oleh al-Qurṭubi, *al-Baḥr al-Muhīt* oleh Abu Hayyān al-Andalūsi, *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* oleh Ibn ᶜAsyūr dan *Rūh al-Maᶜāni* oleh al-Alūsi. Hasil kajian mendapati penggunaan kaedah *tawfīq maᶜāni al-qiraat* memberikan lebih banyak faedah serta membantu sarjana tafsir mengemukakan penjelasan terbaik dalam pentafsiran sesuatu ayat. Kajian ini memberi sumbangan kepada pihak berkuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi tahfiz dalam membentuk silibus integrasi qiraat tafsir di Malaysia

14

**Keberkesanan Ideologi Tafsir Badiuzzaman Said Nursi Terhadap Wanita Islam Menerusi Risalah An-Nur**

Fatimah Binti Abdul Khadal, Mustaffa Abdullah
*Universiti Malaya*
*fatimahabdulkhadal@gmail.com*

Wanita diibaratkan sebagai sinaran dan cahaya apabila Islam mengangkat kedudukan mereka yang asalnya dihina seolah-olah barang dagangan kepada kedudukan yang sama rata tanpa diskriminasi jantina menjadi manusia yang diberi hak dan tanggungjawab. Namun, wanita Islam di Turki berdepan dengan cabaran dan adicita yang hebat apabila dasar sekularisme diketengahkan di negara tersebut berikutan kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah. Terdapat beberapa permasalahan berkaitan wanita yang diangkat dalam karya Badiuzzaman Said Nursi iaitu Risalah An-Nur di mana ia menjadi pedoman buat wanita-wanita Islam di Turki pada ketika itu. Bagi memperhalusi masalah ini, antara persoalan yang timbul adalah keadaan wanita Islam di Turki semasa fahaman sekularisme meresap masuk, ideologi tafsir dan pandangan Badiuzzaman Said Nursi terhadap wanita Islam serta impak ideologi tafsir tersebut terhadap kehidupan wanita Islam di zaman itu. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui metode deskriptif, kaedah dokumentasi serta analisis teks pada ideologi tafsir Badiuzzaman Said Nursi dalam karyanya Risalah An-Nur. Hasil dapatan penelitian ini menunjukkan bahawa ideologi tafsir yang dibawa oleh Badiuzzaman Said Nursi menerusi Risalah An-Nur memberi impak yang berkesan terhadap kehidupan wanita-wanita Islam di Turki ketika itu. Wanita-wanita Islam di Turki menjadikan ideologi tafsir Badiuzzaman Said Nursi sebagai pedoman dan panduan dalam menjalani kehidupan serta sumber kekuatan keimanan dan ketakwaan mereka.
Kata kunci: keberkesanan; ideologi tafsir; Badiuzzaman Said Nursi; Risalah An-Nur; Wanita

15

**Kesedaran Masyarakat Terhadap Amalan Sistem Perbankan Islam dan Konvensional di Malaysia**

Ikmal Adnan,[1] Khairulnazrin Nasir[1] & Rahim Kamarul Zaman,[2]
[1] *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*
[2]*Universiti Malaysia*

Perbankan Islam merupakan sektor yang berkembang pesat dalam sistem kewangan khususnya di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat salah faham dan persepsi berbeza dalam kalangan masyarakat Islam mengenai amalan sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional. Dalam kajian berkaitan isu kontemporari Islam, masyarakat Islam perlu diberikan kefahaman yang jitu terhadap perbezaan yang ketara antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional agar dapat menghindarkan diri daripada ancaman jenayah riba. Terdapat keperluan untuk mengenal pasti perspektif mereka dalam memahami kedua-dua sistem ini, serta menangani sebarang kekeliruan dan ketidakfahaman yang mungkin ada. Justeru, kajian ini bertujuan menghuraikan perbezaan yang signifikan di antara sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional, menjelaskan kesan ketidakpatuhan syariah yang berlaku dalam transaksi yang dilakukan khususnya yang melibatkan sistem perbankan konvensional, mengemukakan kaedah yang sesuai dan berkesan bagi meyakinkan masyarakat Islam tentang produk perbankan patuh syariah pada masa kini serta menyatakan kesimpulan terhadap persepsi dan pandangan masyarakat tentang amalan sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif melalui tema kajian kepustakaan. Pengumpulan data adalah daripada sumber dokumentasi seperti tesis, disertasi dan artikel ilmiah. Manakala bentuk analisis data yang diaplikasikan adalah berbentuk deskriptif dan komparatif. Dapatan kajian dijangka akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai perbezaan terhadap sistem perbankan Islam dan sistem perbankan konvensional. Ia akan memberi nilai tambah terhadap kefahaman masyarakat mengenai prinsip-prinsip asas kedua-dua sistem ini dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan input penting kepada institusi pendidikan, pengamal perbankan Islam, dan masyarakat amnya. Cadangan penambahbaikan yang mungkin dilakukan termasuk pengukuhan pendidikan dan kesedaran tentang sistem perbankan Islam, penyediaan bahan bacaan yang berkualiti, dan perbincangan yang terbuka mengenai perbezaan antara kedua-dua sistem perbankan ini.
Kata Kunci: Muamalat, Perbankan Islam, Perbankan konvensional, Persepsi masyarakat, Isu kontemporari Islam.

16

**Keterbatasan Pendidikan Darah Wanita Dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Implikasi Terhadap Sikap dan Tingkah Laku Murid**

Tengku Sarina Aini Binti Tengku Kasim, Siti Falihah Binti Yaakob & Nor Fahimah Binti Mohd Razif
*Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*
*tgsarina@um.edu.my*

Subjek Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam di seluruh Malaysia sama ada di peringkat rendah mahupun menengah menerusi kurikulum kebangsaan. Namun, berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa kelompongan yang ada dalam isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah, di bawah bahagian ibadat iaitu berkaitan pendidikan darah wanita. Pendedahan dan perbincangan yang tidak mendalam mengenai topik ini

membantut pemahaman asas murid untuk mengurus isu yang berkaitan dengan darah wanita. Rentetan itu, penulisan artikel ini bertujuan menganalisis implikasi terhadap sikap dan tingkah laku murid akibat keterbatasan pendidikan darah wanita dalam kurikulum kebangsaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif, di mana data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual individu secara semi struktur kepada empat orang Guru Pendidikan Islam (GPI) yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Data temu bual dianalisis secara tematik bagi menghasilkan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa implikasi yang muncul apabila topik ini tidak dipelajari secara khusus oleh murid di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Antaranya seperti kekeliruan dalam menentukan status darah yang keluar, ketidakpastian cara untuk menentukan waktu suci yang membolehkan mandi wajib dan kelemahan pengurusan haid dari aspek kebersihan diri semasa didatangi haid. Malah satu implikasi yang lebih mendukacitakan, iaitu terdapat segelintir murid perempuan yang meremehkan pelaksanaan ibadat solat sehingga meninggalkannya dengan melewat-lewatkan mandi wajib. Justeru itu, artikel ini mengupas pandangan menurut al-Attas, di mana solusi yang terbaik untuk membentuk sikap dan tingkah laku murid pada hari ini adalah melalui sistem Pendidikan Islam yang menekankan pengukuhan asas ilmu pengetahuan, di samping pendidikan dan tarbiah (asuhan) yang berterusan dalam pengamalan ibadat sepertimana saranan Hassan al-Banna juga. Pengaplikasian ilmu pengetahuan oleh murid dalam kehidupan seharian mereka akan membentuk jati diri serta mengubah kehidupan mereka menjadi muslim yang lebih baik.
Kata kunci: Darah Wanita, Mata Pelajaran Pendidikan Islam, Sikap dan Tingkah Laku Murid

17

**Ketokohan dan Sumbangan Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah Dalam Wacana Hadith Semasa**

Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, Mohd Farhan Md Ariffin

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600 Bangi, Selangor*

Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah merupakan seorang tokoh hadith yang berasal daripada Syria dan merupakan anak didik Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang ketokohan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam bidang hadith serta meneliti sumbangan beliau dalam wacana hadith semasa. Selain itu, Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah dianggap antara tokoh hadith kontemporari yang moderat dan kritis membahaskan isu-isu kritikal dalam wacana hadith pada masa kini. Kajian juga mendapati bahawa beliau mempunyai sumbangan yang banyak dalam bidang hadith khususnya dalam bentuk penulisan. Oleh itu, beliau dikategorikan sebagai tokoh yang prolifik dalam wacana hadith semasa. Di samping melakukan kajian-kajian moden beliau juga bergiat aktif dalam melakukan pen*taḥqīq*an terhadap manuskrip-manuskrip lama dalam bidang hadith. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif iaitu data-data mentah diperolehi menerusi kaedah kepustakaan dan temu bual. Setiap data tersebut kemudian dianalisis melalui kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa sumbangan Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah dalam wacana hadith semasa dapat membantu para pengkaji semasa memahami isu-isu yang mendalam berkaitan hadith serta ilmunya.
Kata kunci: Shaykh Muḥammad ᶜAwwāmah, hadith, prolifik, sumbangan, biografi

18

**Kewujudan *Al-Kulliyyāt* Di Sisi Ibnu Taimiyyah dan Kesannya Terhadap Teologi Falsafah Beliau: Kajian Terhadap Isbat Sifat Allāh**

Muhammad Asrie Sobri, Mohd Sharuddin Titeh, Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah
*International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM)*
*asrie.sobri@live.iium.edu.my*

Ibnu Taimiyyah telah memberikan perhatian penuh berkenaan isu *al-kulliyāt* ini dalam perdebatan teologi beliau dan menganggap isu tersebut antara asas penyimpangan dalam persoalan sifat-sifat Allāh di sisi Ahli Kalām dan Falsafah. Dalam kajian ini, menjadi objektif para pengkaji meneliti sejauh mana status ontologi al-kulliyāt di sisi Ibn Taimiyyah mempengaruhi metodologi beliau dalam mengisbatkan sifat-sifat Allāh S.W.T. Metode Kualitatif berasaskan analisa teks-teks Ibnu Taimiyyah menerusi karya beliau yang utama seperti: *Dar'u al-Ta'aruḍ bayna al-'Aqli wa al-Naqli* dan *Bayān Talbīs Al-Jahmiyyah*, di mana beliau mengkritik Ahl Falsafah Islam dan Ahli Kalām Sunni telah digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan Ibnu Taimiyyah menolak teori Realisme, namun tidak juga mengambil pendekatan Nominalisme dalam masalah ini, sebaliknya beliau menegaskan *al-kulliyāt* hanyalah hasil abstraksi 'aqal (*wujūd zihnī*), sedangkan wujūd realiti hanyalah kewujudan konkrit di luar 'aqal yang boleh dicapai pancaindera, maka sifat-sifat Allāh yang terdapat persamaan nama dengan sifat-sifat makhluk tidak membawa implikasi *antropomorfisme* kerana setiap sifat itu adalah khusus bagi zat, tidak ada sebarang perkongsian pada ciri-ciri khusus antara dua benda yang mempunyai penamaan sifat yang sama, hanya berlaku perkongsian pemahaman makna asas sahaja yang membolehkan sesuatu pernyataan difahami pada 'aqal. Hasil kajian ini diharap menyumbang lagi kepada pencerahan berkenaan pemikiran Ibnu Taimiyyah dan membetulkan beberapa tanggapan salah terhadap manhaj beliau dalam 'aqīdah dan seterusnya membina perbincangan yang lebih harmoni antara aliran-aliran teologi dalam kalangan Umat.
Kata Kunci: Universals, Ontologi, Metafizik, Epistemologi, Teologi

19

**Lokasi Arkeologi Dalam Al-Quran: Analisis Berdasarkan Bentuk Susunan Surah Panjang dan Pendek**

Nur Zahidah binti Che Mohamed, Mohd Nazri bin Ahmad, Nor Syamimi binti Mohd
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*p110459@siswa.ukm.edu.my*

Di dalam al-Quran terdapat banyak lokasi arkeologi yang disebutkan dalam ayat tertentu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya ialah Mekah, Madinah, Madyan*, ard,* dan *qaryah.* Namun, tidak ada lagi kajian yang menyusun lokasi arkeologi secara sistematik untuk memudahkan pencariannya di dalam al-Quran. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mencadangkan susunan lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan panjang dan pendek surah. Kajian ini dilakukan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul secara analisis dokumen dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan penyusunan lokasi arkeologi yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan panjang dan pendek surah dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu, *al-Ṭiwāl, al-Mi'īn, al-Mathānī* dan *al-Mufaṣṣal*. Lokasi arkeologi berdasarkan kategori *al-Mi'īn* menunjukkan bilangan lokasi yang paling banyak dijumpai di dalam al-Quran. Implikasi kajian menunjukkan penyusunan lokasi arkeologi berdasarkan panjang dan pendek surah dapat memudahkan pencariannya dalam al-Quran dan sekaligus dapat membantu para pengkaji

untuk meneroka dan mengambil pengajaran serta manfaat daripada variasi dimensi bentuk susunan lokasi yang berbeza.
Kata kunci: lokasi arkeologi; panjang dan pendek surah; ulum al-Quran; tafsir mawdhu'i; sirah Nabi

20

**Manhaj Kritik Matan Hadis Ibn Al-Qayyim Menerusi Kitab Al-Manar Al-Munif**

Nur Muhammad Anas Bin Mohd Razak, Mohd Arif Bin Nazri
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*ibnurazak10@gmail.com*

Ibn al-Qayyim merupakan salah seorang tokoh hadis yang menonjol pada abad ke 8 Hijrah. Kesarjanaan Ibn al-Qayyim dalam mengutarakan kritikan terhadap hadis terutamanya pada sudut matan telah menjadi topik perbahasan yang rancak dalam kalangan ilmuwan Hadis sejak abad ke 10 Hijrah sehingga zaman moden kini. Justeru, kertas kerja ini mengkaji tentang manhaj kritik matan hadis Ibn al-Qayyim menerusi kitab beliau yang berjudul al-Manar al-Munif. Biografi ringkas Ibn al-Qayyim turut dinyatakan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan. Setiap data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan analisis kandungan. Kajian mendapati 4 kriteria utama yang penting di sisi Ibn al-Qayyim dalam aplikasi kritik matan hadis. Dapatan kajian ini berhasil diperolehi daripada analisis respons balas Ibn al-Qayyim terhadap soalan yang ditujukan kepada beliau mengenai kemungkinan mengenal hadis palsu secara pasti tanpa dimulai kajian menerusi sanad. Hasil penelitian daripada kajian menunjukkan kriteria penting di sisi Ibn al-Qayyim dalam manhaj kritik matannya adalah matan hadis mengandungi perumpamaan melampau, matan hadis bercanggah secara jelas dengan akal, matan hadis mengandungi ketetapan tarikh-tarikh tertentu dan matan hadis berunsur petua-petua ganjil dalam perubatan. Kajian ini membawa implikasi positif dalam mendepani penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Harapan kajian adalah dapat menambah sumbangan kepada perbendaharaan ilmu tentang kajian kritik hadis secara khusus di samping membantu umat Islam bersikap lebih berhati-hati menerima hadis Nabi SAW lalu menyebarkannya tanpa semakan bagi memelihara kemuliaan dan kedudukannya yang tinggi dalam agama Islam.
Kata Kunci: Manhaj, Kritik, Matan, Hadis, Ibn al-Qayyim

21

**Masalah Spiritual Remaja Berisiko Dari Sudut Pandang Psikospiritual Islam**

Nurul Shuhadah Binti Md Yahya, Mohd Manawi Bin Mohd Akib
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam*
*Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600 Bangi, Selangor.*
*p126572@siswa.ukm.edu.my*

Remaja berisiko dikenali sebagai mereka yang bertingkah laku dan melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang, peraturan atau norma masyarakat bermula daripada kesalahan ringan seperti ponteng sekolah, merokok, buli dan sebagainya yang akhirnya mendatangkan kemudaratan kepada komuniti dan persekitaran. Sekiranya tidak dibendung, perkara ini akan menjadi suatu kebiasaan dan akhirnya akan mencetuskan jenayah yang lebih berat seperti merompak, penyalahgunaan dadah, seks bebas, pornografi dan sebagainya. Perkara ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhi remaja sehingga mereka terjebak dengan anasir luar yang akhirnya menjajah pemikiran dan tindakan mereka. Dari sudut disiplin ilmu psikospiritual Islam, pemikiran dan tindakan seseorang itu dipengaruhi oleh spiritualnya yang disebut juga sebagai jiwa. Spiritual yang solid dengan ilmu pengetahuan dan amal soleh mampu menjadi benteng kuat dan

menghalang seseorang remaja daripada terjebak dengan perkara yang tidak baik bahkan dapat mendorongnya melahirkan tingkah laku yang positif. Begitu juga sebaliknya, tindakan dan perlakuan yang bermasalah tercetus di kalangan remaja berisiko adalah kerana spiritualnya yang bermasalah. Justeru itu, artikel ini ingin mengenalpasti masalah spiritual remaja berisiko dari sudut pandang psikospiritual Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penelitian terhadap tinjauan litetaratur atau kajian kepustakaan terhadap kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa masalah spiritual remaja berisiko dari sudut pandang psikospiritual Islam seperti al-halu' (keluh kesah), hubbu al-dunya (cinta dunia), hasad dan sebagainya.
Kata Kunci: masalah spiritual, psikospiritual, remaja berisiko

22

**Menilik Nilai Sufisme Dalam Tafsir *Marāh Labid***

Noorthaibah, Ibnu Khaldun
*Universitas Islam Negeri Sultan Aji Muhammad Idris Samarinda*
*noorthaibah66@gmail.com*

Penafsiran Al-Qur'an pada awalnya merupakan penggalian makna terhadap ayat al-Qur'an itu sendiri, sehingga kecenderungan disiplin ilmu dan pengalaman sang mufassirpun bias dalam pemaknaannya. Nilai sufisme dalam kajian tafsir berusaha mengungkap pesan-pesan bathiniyah yang terkandung dalam al-Qur'an sebagai pemantik dalam tindakan (*action*) pembaca. Penelitian ini bertujuan untuk menilik nilai sufisme yang terdapat pada "*Tafsīr Marāḥ Labīd"* karya Syekh Nawawī al-Bantani al-Jāwī dilihat dari sosio history. *Tafsīr Marāḥ Labīd* yang ditulis oleh Syekh Nawawī al-Bantani al-Jāwī, ditulis pada era pergerakan dan perjuangan, sejatinya memberikan nilai spiritual yang yang kental dimasyarakat. Dalam catatan Sejarah, Syekh Nawawī merupakan titik sentral masyarakat jawa saat itu dalam memperdalam ilmu agama selama di Makkah. Metode yang digunakan pada artikel ini adalah kualitatif dengan menganalisis data yang diperoleh secara analisis konten (*content analysis)*. Kesimpulan yang diperoleh, dalam *Tafsīr Marāḥ Labīd*, tafsir nilai sufisme pada term "*zuhd"* dan "*taubah*" yang dikemukakan oleh Syekh Nawawi dipengaruhi oleh sosio histori masyarakat Indonesia yang saat itu dalam perjuangan melawan penjajahan, sehingga makna term-term sufistik tersebut memberikan nuansa berbeda dengan tafsir lainnya. Syaikh Nawawī Al-Bantani memakna *Zuhd* tidak hanya diam dan menjauhi dunia, namun kewajiban untuk melawan sesuatu yang bertentangan dengan hukum Allah apresiasi yang akan didapat saat kita zuhud yaitu Imbalan di akhirat. Adapun makna taubat menurut Nawawi merupakan jalan untuk keberuntungan (kemerdekaan).
Kata Kunci: *Marāḥ Labīd, Nawawī, Tasawuf, Tafsir Sufi.*

23

**Modul Iqra' Isyarat Bagi Golongan Kurang Upaya Pendengaran**

Aufa Binti Mohamad Tahir, Nor Syamimi Binti Mohd
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*aufamohamadtahir@gmail.com*

Golongan kurang upaya pendengaran tidak terlepas daripada tanggungjawab untuk mempelajari al-Quran sebagaimana golongan tipikal. Antara cabaran terbesar bagi golongan ini untuk mempelajari dan menguasai bacaan al-Quran ialah mereka tidak boleh mendengar bacaan guru al-Quran ketika belajar. Untuk mengatasi masalah ini, satu aplikasi khas yang diberi nama Quran Isyarat telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik daripada Ummi Maktum pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati aplikasi ini mengandungi 30 juzuk al-Quran dan kandungannya agak berat untuk dipelajari oleh golongan yang belum mahir membaca al-Quran khususnya kanak-kanak dan mualaf. Selain itu, kajian juga mendapati tidak ada lagi modul Iqra' isyarat untuk golongan yang belum mahir ini. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk membina modul Iqra' satu bagi golongan kurang upaya pendengaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data kajian diperoleh melalui analisis dokumen dan seterusnya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian ini mendapati modul Iqra' satu yang digunakan oleh golongan tipikal boleh diinovasikan menjadi modul Iqra' isyarat untuk golongan kurang upaya pendengaran. Modul Iqra' isyarat diinovasikan dengan menggunakan 29 Kod Tangan Quran (KTQ) yang mewakili 29 huruf hijaiyyah. Kod Tangan Quran ini berasal daripada kaedah bahasa isyarat Arab. Justeru itu, modul Iqra' isyarat memberi sumbangan yang signifikan untuk memberi panduan kepada tenaga pengajar dan golongan kurang upaya pendengaran bagi mempelajari bacaan asas al-Quran secara mudah dan sistematik.
Kata kunci: Quran Isyarat, Quran Braille, Orang Kurang Upaya (OKU), orang kurang upaya pendengaran, Iqra'

24

**Pascanilai Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ): Cabaran dan Strategi**

Zulkifli Abd Mubi, Haziyah Hussin, Sabri Mohamad, Muhd Najib Abdul Kadir
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*zulkifliabdmubi@gmail.com*

Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan murid dari aspek kemahiran *Tarannum*, Hafazan, Tajwid, Ulum al-Quran, *Rasm Uthmani* dan *Qiraat al-Sab'i*. Walaupun kewujudan program KKQ ini sudah mencapai tiga dekad, namun sejauhmanakah pencapaian pelaksanaan program KKQ ini dalam meningkatkan kemahiran membaca al-Quran? Oleh itu, satu sorotan dilakukan untuk mengenal pasti pencapaian sepanjang 36 tahun pelaksanaannya dan cabaran yang dihadapi serta strategi yang boleh diambil untuk menambahbaik atau meningkatkan kualiti program KKQ ini. Sorotan ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Fakta dan hujah yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder diteliti, dinilai serta dianalisis. Hasil sorotan ini mendapati dua isu yang timbul iaitu keprihatinan pengurusan sekolah dan tahap penguasaan guru dan murid. Cabaran keprihatinan dan kebajikan guru KKQ, keperluan KKQ, minat murid, kemahiran dan pedagogi guru, jadual waktu dan sukatan pelajaran KKQ perlu diatasi. Justeru, pendekatan dan strategi yang dicadangkan perlu diambil cakna dan tindakan oleh pihak berkepentingan sama ada di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahupun di peringkat pelaksana program KKQ ini di sekolah agar matlamat melahirkan murid yang berkemahiran dan cintakan al-Quran dapat dicapai dengan jayanya.
Kata kunci: Kelas kemahiran al-Quran; pendidikan Islam; pascanilai; cabaran; strategi

25

**Pemerkasaan Teras Integrasi Nasional di Malaysia Berpandukan Perspektif Surah *Madaniyyah***

Rahim Kamarul Zaman[1], Khairulnazrin Nasir[1], Ikmal Adnan[2], Nik Abdul Hayyi Nik Idris[3], Ayu Nor Azilah Mohamad[4]
[1]*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*
[2]*Open University Malaysia*
[3]*Universiti Malaysia Sabah*
[4]*Universiti Islam Selangor*
*abdulrahimkz51@gmail.com*

Realiti nilai integrasi nasional dalam setiap negara majmuk adalah suatu perkara yang kompleks. Hal ini didasari kompleksiti persekitaran sosiobudaya yang terbentuk melalui gabungan kepelbagaian agama, kepercayaan, adat, budaya dan amalan yang berbeza dalam komuniti. Dalam konteks Malaysia, indeks Perpaduan Nasional (IPNas) bagi tahun 2022 mencatatkan peningkatan skor pada kadar 0.62 peratus berbanding 0.57 peratus pada tahun 2018. Kedudukan nilai skor berkenaan menunjukkan kualiti perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia adalah sederhana dan terkawal. Namun begitu, tinjauan terhadap konstruk dimensi penilaian IPNas memaparkan peranan Islam sebagai agama rasmi negara didapati masih kurang dimartabatkan sebagai teras integrasi dan perpaduan nasional. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi memperkasakan teras integrasi dan perpaduan nasional di Malaysia berpandukan perspektif terpilih dalam kompilasi surah-surah madaniyyah. Berdasarkan metode analisis kandungan secara tematik, kajian deskriptif ini mendapati sebanyak 40 ayat daripada 28 surah madaniyyah mengandungi wacana panduan integrasi nasional yang komprehensif. Hasil kajian turut optimis, wacana integrasi nasional dalam kompilasi surah madaniyyah berupaya menangani defisit sosial, memacu kesepaduan sosial dan memperkasakan kualiti perpaduan nasional di Malaysia. Kesimpulannya, inisiatif pemerkasaan perpaduan nasional berpaksikan panduan al-Quran wajar dimartabatkan di Malaysia dan seluruh negara majmuk peringkat global.
Kata Kunci: Perpaduan; Integrasi; Nasional; Surah; Madaniyyah

26

**Pengaruh 'Gelombang Korea' Terhadap Jati Diri Remaja Melayu-Islam: Kajian Dalam Kerangka Hadis Tasyabbuh**

Siti Maisarah Salimi, Bahiyah Ahmad, Mohd Anuar Ramli
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Dalam era globalisasi ini, penularan budaya dan gaya hidup masyarakat luar semakin mendapat tempat dalam masyarakat Islam. Antaranya adalah 'gelombang Korea' yang dijenamakan sebagai K-Pop telah berjaya menembusi pasaran konsumerisme dunia mencakupi pelbagai aspek meliputi gaya hidup, nyanyian dan filem, bahasa, fesyen pakaian, budaya makanan dan kulineri. Perkembangan media sosial baharu seperti *Facebook, Twitter, Tiktok* dan *Instagram* telah menyemarakkan lagi populariti gelombang Korea ini di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan tentang pengaruh 'gelombang Korea' terhadap jati diri Melayu serta penilaiannya berdasarkan kerangka hadis *tasyabbuh* (penyerupaan). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan terhadap media sosial baharu bagi menilai pengaruh gelombang Korea terhadap jati diri remaja Melayu Islam. Data kemudian dianalisis berdasarkan kerangka hadis tasyabbuh. Hasil kajian mendapati, jati diri golongan remaja Melayu-Islam semakin terhakis dengan 'gelombang Korea'

dan berdasarkan kerangka hadis *tasyabbuh,* terdapat beberapa pengaruh yang termasuk dalam tasyabbuh yang dilarang Syarak.
Kata kunci: budaya, identiti diri, konsumerisme, K-pop, media sosial Baharu

27

**Peranan Daya Tahan Dalam Pengurusan Cabaran Krisis Psikososial Pelajar Pengajian Tinggi Menurut Perspektif Islam**

Nursalina Amirul, Nur Shahidah Pa'ad, Che Zarrina Sa'ari
*Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*
*salinaamirull@gmail.com*

Di antara matlamat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ialah menghasilkan graduan yang cemerlang dari segenap aspek kehidupan termasuk akademik, sahsiah dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, IPT terpaksa berhadapan dengan cabaran krisis psikososial pelajar yang kian meruncing. Kajian literatur menunjukkan gangguan krisis psikososial ini boleh menjejaskan produktiviti pelajar sehingga menyebabkan masalah pembelajaran, mengganggu proses kemenjadian pelajar secara keseluruhan dan berupaya menggagalkan matlamat pendidikan IPT sekiranya cabaran tersebut tidak dapat diurus dengan baik. Cabaran krisis psikososial ini juga menjadi semakin kompleks seiring dengan situasi pelbagai fenomena sosial yang berlaku pada masa kini. Maka menjadi keperluan untuk mendalami pendekatan berkesan dalam menangani cabaran ini berdasarkan perspektif Islam. Sehubungan itu, dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, makalah ini bertujuan bagi membincangkan cabaran krisis psikososial pelajar IPT menerusi kaedah temu bual mendalam terhadap kes 5 orang pelajar yang mengalami krisis psikososial pelbagai peringkat. Selain itu, makalah ini mengkaji peranan daya tahan berdasarkan perspektif Islam dalam menguruskan cabaran krisis psikososial yang dihadapi oleh pelajar IPT. Kajian mendapati 5 orang pelajar yang ditemu bual berhadapan dengan 4 bentuk krisis psikososial yang utama iaitu konsep kendiri yang lemah, keupayaan mental merosot, keletihan emosi dan ketandusan sokongan sosial. Selain itu, daya tahan berasaskan kepada perspektif Islam berperanan dalam mengukuhkan motivasi, mewujudkan harapan, memupuk kesabaran, meningkatkan keberanian dan mendapatkan sokongan sosial.
Kata Kunci: Daya tahan, Pengurusan Cabaran, Krisis Psikososial, Pelajar Pengajian Tinggi, Perspektif Islam.

28

**Peranan Institusi Keluarga Dalam Menangani Ideologi Liberalisme Abad Ke-21 Menurut Perspektif Al-Quran dan Sunnah**

Fadhlin Sakinah Mohd Hussaini, Ahmad Sanusi Azmi
*Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai*
*fadhlinsakinahmh@gmail.com*

Ideologi liberalisme merupakan sebahagian daripada hegemoni barat untuk mendominasi segenap aspek kehidupan manusia pada abad ke-21 melalui usaha "deconstruction of religion". Kajian ini membincangkan ideologi liberalisme yang semakin menular dalam kalangan umat Islam dewasa ini. Kajian ini adalah kajian kepustakaan menggunakan metodologi deksriptif-kualitatif dengan pendekatan teoritikal dan fakta melalui sumber seperti berita, artikel dan sebagainya. Antara aspek yang dibincangkan termasuklah bahaya ideologi liberalisme dalam dunia globalisasi yang memberi kesan terhadap umat Islam secara umum dan institusi keluarga secara khusus. Artikel ini turut mengetengahkan langkah-langkah untuk menangani ideologi liberalisme melalui usaha

pemerkasaan institusi keluarga iaitu penerapan konsep 'manhaj rabbani' dalam kehidupan berkeluarga, tanggungjawab serta peranan holistik antara ahli keluarga serta penerapan biah solehah dan budaya ilmu dalam keluarga. Kesimpulannya, usaha menangani ideologi liberalisme sewajarnya dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh bagi merealisasikan erti dan tujuan kehidupan berkeluarga sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT.
Kata kunci: Ideologi, Liberalisme, Peranan, Institusi keluarga

29

**Peranan Media Massa Sebagai Alat Kesedaran Sosial Bagi Isu Kemiskinan Haid di Malaysia**

Norhafizah Ahmad, Latifah Abdul Majid
*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor*
*nrhafizah@uthm.edu.my*

Di era globalisasi, penggunaan media massa telah menjadi satu trend dalam penyaluran dan penerimaan maklumat dengan pantas dan efektif. Media massa juga merupakan salah satu platform yang dapat memberikan maklumat lanjut mengenai isu kemiskinan haid dan cara untuk membantu golongan yang terbabit. Namun, akibat daripada kekurangan pengetahuan yang sahih mengenai peranan media massa sebagai medium penyebaran maklumat, ia memberikan impak negatif kepada kumpulan sasaran. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai peranan media massa dalam menyebarluaskan maklumat mengenai isu kemiskinan haid kepada masyarakat. Ini bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai keperluan wanita semasa mengalami haid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyampaian mesej pencegahan dan pendidikan tentang isu kemiskinan haid melalui media massa sama ada media cetak, media elekronik dan media sosial adalah sangat penting serta berkesan. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang isu kemiskinan haid kepada masyarakat. Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu kemiskinan haid dan seterusnya menjamin keperluan golongan wanita dalam kalangan masyarakat.
Kata kunci: Kesedaran; kemiskinan haid; pendidikan; komunikasi; media

30

**'*Precaution Dan Prevention*' Dalam Amalan Kebersihan Masyarakat Melayu- Kajian Tentang Lima Sunan Fitrah**

Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohd Zul Amirul Izwan Mat Deraseh
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*tokwedin@ukm.edu.my*

Al-Tib al-Wiqaie ialah satu istilah yang merujuk kepada amalan penjagaan dan pencegahan diri daripada penyakit tertentu. Ia adalah satu praktik yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w. Ianya bersifat '*precaution*'dan '*prevention*'. Justeru kertas ini mengkaji tentang lima sunan fitrah yang telah membudaya dalam masyarakat Melayu sebagai amalan baik sejak zaman berzaman. Asasnya ialah tuntutan fekah namun kesannya ialah kesejahteraan hidup dari aspek spiritual dan fizikal. Oleh itu, objektif kertas ini ialah mengkaji aspek '*Precaution dan Prevention*' dalam amalan kebersihan masyarakat Melayu melalui pengamalan lima sunan fitrah yang disarankan oleh Rasulullah S.A.W. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merujuk kepada Tib Nabawi bagi memperolehi data kajian yang diperlukan. Kajian ini berbentuk kajian sekunder dan disokong beberapa dokumen yang sesuai dengan kajian. Kajian ini menggunakan beberapa instrument

analisis iaitu bacaan rapi dan analisis tematik bagi memperolehi data yang benar dan sesuai dengan kajian. Penemuan kajian mendapati falsafah Tib Nabawi banyak mempengaruhi dari segi penghasilan dan pembentukan amalan kebersihan yang menjadi ciri identiti dan jati diri masyarakat Melayu. Pengajaran dan pesan yang terkandung dalam kitab Tib Nabawi telah memberi kesan mendalam dan memberi keyakinan terhadap masyarakat Melayu mengenai amalan kebersihan dalam kehidupan seharian. Kelebihannya terletak pada pencegahan awal terhadap simptom penyakit iaitu *'Prevention is cure'*. Sumbangan kajian ini telah dapat memberi penambahan kepada pengembangan ilmu pengetahuan mengenai kebersihan kepada masyarakat Melayu kini terutamanya generasi muda serta dapat diaplikasi dan diamalkan dalam kehidupan dunia moden.
Kata kunci: Identiti, Jati diri, Kebersihan, Melayu, Tib Nabawi

31
**Salah Faham Mengenai Kaedah Pelupusan Bahan Cetakan Al-Quran**

Ameer Areff Iskandar, Latifah Abdul Majid
*Program Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*

Penerbitan mashaf al-Quran semakin meluas di setiap pelusuk negara bagi mengembangkan penyebaran Islam di samping untuk memenuhi kehendak pasaran. Setiap mashaf akan berlaku inovasi dan pembaharuan apabila bertembung dengan kerosakan struktur sesebuah mashaf yang mengakibatkan tidak boleh dibaca dengan jelas. Sehubungan dengan itu, kerosakan yang berlaku itu perlu diurus dengan teliti dan beretika supaya tidak berlaku penghinaan terhadap kesucian ayat al-Quran. Baru-baru ini, media akhbar telah menyiarkan satu laporan berkaitan provokasi yang dibuat oleh entiti bukan Islam yang membakar mashaf al-Quran di ibu negara Sweden, Stockholm sehingga mencetuskan kekeliruan dalam masyarakat Islam mengenai cara pembakaran bahan cetakan al-Quran yang terkandung dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan mengenai pelupusan teks al-Quran. Salah faham tersebut wujud apabila kaedah pembakaran al-Quran yang beretika seharusnya dilakukan secara sembunyi dan diurus oleh orang Islam akan tetapi pembakaran al-Quran secara terang-terangan yang dilakukan oleh orang bukan Islam menjadi konflik bagi meruntuhkan keharmonian beragama. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan pengetahuan masyarakat mengenai kaedah pembakaran mashaf al-Quran dengan niat memelihara ayat suci al-Quran. Metode yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan instrumen kajian soal selidik. Sampel tertumpu kepada masyarakat di Batang Kali, Hulu Selangor. 21 responden yang telah diambil sebagai kajian rintis. Artikel ini mampu memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam termasuk organisasi yang terlibat melupuskan mashaf al-Quran betapa pentingnya menjaga kehormatan ayat suci al-Quran dan menjaga keharmonian agama lain walaupun dalam satu negara.
Kata Kunci: Pembakaran, Salah Faham, Pelupusan, Al-Quran

32
**Sorotan Literatur Pendidikan Al-Quran Anak-Anak Ibu Bapa Berkerjaya**

Nik Siti Hajar, Latifah Abdul Majid, Sabri Mohamad
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*nikhajar98@gmail.com*

Amalan membaca al-Quran adalah satu keperluan dan tanggungjawab kepada umat Islam. Setiap golongan khususnya ibu bapa wajib untuk mempelajari al-Quran kerana tanggungjawab mendidik

anak-anak di awal usia adalah bermula daripada ibu bapa sendiri. Ibu bapa adalah faktor yang utama dalam membentuk pola fikir kepada pendidikan al-Quran anak-anak. Namun, penguasaan al-Quran dalam kalangan anak-anak pada hari ini kurang memuaskan kerana tugas mendidik anak-anak mempelajari al-Quran menjadi satu cabaran kepada ibu bapa khususnya ibu bapa berkerjaya. Hal ini kerana, kesibukan dan fokus ibu bapa terhadap kerjaya adalah lebih diutamakan. Implikasinya, pendidikan al-Quran dalam kalangan anak-anak tidak dititikberatkan oleh ibu bapa. Sehubungan itu, makalah ini dijalankan untuk mengkaji sorotan literatur pendidikan al-Quran dalam kalangan anak-anak. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data dilakukan melalui kajian perpustakaan. Hasil sorotan literatur mendapati bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan anak-anak masih berada pada tahap yang lemah di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi tinggi. Justeru, makalah ini mencadangkan agar ibu bapa berkerjaya mengambil inisiatif dari awal untuk lebih cakna dengan pendidikan agama anak-anak khususnya pendidikan al-Quran supaya anak-anak mampu untuk menguasai bacaan al-Quran daripada peringkat awal usia.
Kata kunci: Pendidikan al-Quran, penguasaan, pelajar, ibu bapa berkerjaya, teori pendidikan Luqman al-Hakim.

33

## Teknologi Rahim Buatan Menurut Pertimbangan Islam

Mohammad Naqib Hamdan[1], Aimi Nadia Mohd Yusof[2], Mohd Anuar Bin Ramli[3], Hussein 'Azeemi Bin Abdullah Thaidi[4], Mohd Farhan Bin Md Ariffin[5], Muhamad Firdaus Ab Rahman[4]
*[1]Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru*
*[2]UiTM Selangor*
*[3]Universiti Malaya*
*[4]Universiti Sains Islam Malaysia*
*[5]Universiti Kebangsaan Malaysia*
*mohammadnaqib@utm.my*

Teknologi Rahim Buatan (*Artificail Womb Technology*) ialah peranti yang direka untuk meniru keadaan rahim dan membantu dalam perkembangan janin di luar badan ibu kandung. Antara tujuan teknologi ini diperkenalkan adalah untuk membolehkan wanita mendapat anak tanpa perlu mengandung, khususnya kepada wanita yang berisiko, lanjut usia, mandul, tiada rahim dan mempunyai masalah kesihatan. Ia juga dijangka mampu menyelamatkan nyawa bayi yang dilahirkan dalam keadaan pramatang sebelum cukup 37 minggu. Namun begitu, ia telah menimbulkan pelbagai isu etika khususnya melibatkan beberapa hak seperti hak autonomi kehamilan yang khusus bagi wanita, hak janin, hak dan tanggungjawab ibu bapa. Dari sudut syarak pula, ia mungkin menimbulkan beberapa masalah yang mungkin menyebabkan para ulama tidak bersetuju dengan perkara ini seperti mengubah ciptaan Allah SWT yang telah menetapkan proses kejadian bayi melalui kehamilan di dalam rahim wanita, potensi manipulasi nyawa manusia walaupun pada peringkat embrio dan janin, peranan ibu yang mengandungkan bayi tersebut khususnya proses penasaban anak kepada ibunya sendiri. Justeru, artikel ini akan membincangkan secara ringkas perbincangan tersebut dari perspektif Islam. Rujukan akan dibuat kepada pelbagai konsep dan prinsip yang berkaitan dengan kehidupan manusia, kehamilan, kelahiran dan keibuan seperti yang dinyatakan dalam al-Quran. Hasil kajian menunjukkan terdapat kemungkinan ia tidak diterima oleh ulama Islam kerana ia mungkin bertentangan dengan beberapa prinsip Islam berkenaan kehamilan, keibuan (*motherhood*), penasaban dan pertimbangan maqasid syariah.
Kata Kunci: rahim buatan, maqasid syariah, pengubahan ciptaan Allah, kehamilan

34

**Pengaruh Isu Kesihatan Awam Terhadap Keselamatan Makanan Menurut Hadith**

Mohd Farhan Md Ariffin
*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*farhan.ariffin@ukm.edu.my*

Keselamatan makanan merupakan isu penting yang perlu dikelolakan secara serius dalam polisi kesihatan awam. Hal ini kerana makanan tidak selamat berisiko menyebabkan pelbagai penyakit akut dan berpanjangan, yang terdiri daripada cirit-birit sehingga kanser. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah memperincikan hadith-hadith yang menyebutkan mengenai isu keselamatan makanan dalam polisi kesihatan awam berdasarkan ulasan para *muhaddithin* serta mengadaptasi hadith tersebut ke dalam satu bentuk instrumen yang praktikal dan mampu dimanfaatkan sama ada sebagai alternatif ataupun nilai tambah dalam prosedur keselamatan makanan semasa. Kajian ini mengguna pakai kaedah analisis data induktif, deduktif serta analisis kandungan dan tematik. Hasilnya, kajian membangunkan instrumen analisis hadith selaku alternatif mengekang pencemaran terhadap makanan dan memacu pematuhan *halalan tayyiban* dalam penghasilan produk makanan.
Kata kunci: wabak; keselamatan makanan; hadith; instrumen analisis; HACCP *decision tree*

35

**Pelupusan Al-Quran Melalui Kaedah Deinking Berdasarkan Fatwa Di Malaysia**

Izuli Dzulkifli,[1] Mahfuzah Zohdi,[2] Norshaidayani Samah,[2] Ameer Arif Iskandar[3]
[1]*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
[2]*Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*
[3]*Calon Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*izuli@ukm.edu.my*

Pelupusan al-Quran perlu dilaksanakan dengan penuh adab dan hormat agar kemuliaan al-Quran terus terpelihara. Kaedah pelupusan al-Quran yang biasa digunapakai oleh umat Islam adalah dengan membakar atau menanamnya di kawasan yang khusus. Namun, apakah kaedah lain yang boleh digunapakai bagi melupuskan al-Quran selain dibakar dan ditanam. Penulisan makalah ini mengemukakan beberapa fatwa dan pandangan di Malaysia berkenaan pelupusan al-Quran menggunakan kaedah *Deinking*. Perkara ini diperoleh melalui analisis dokumen yang dicapai melalui laman sesawang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beberapa laman sesawang Jabatan Mufti Kerajaan Negeri di Malaysia. Dapatan kajian mendapati terdapat fatwa yang mengharuskan pelupusan al-Quran menggunakan kaedah *Deinking*, namun statusnya tidak diwartakan. Kaedah *Deinking* boleh dijadikan salah satu kaedah alternatif bagi pelupusan al-Quran selain menggunakan kaedah sedia ada seperti pembakaran dan tanam di dalam tanah.
Kata Kunci: Pelupusan al-Quran, Kaedah *Deinking*, Fatwa di Malaysia

36

**Pendekatan Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi terhadap Isu Wanita dalam Manuskrip *Qur'an Bergantung Makna Melayu***

Nor Syamimi Mohd[1], Ammar Fadzil[2], Nadzrah Ahmad[2]
[1]*Universiti Kebangsaan Malaysia*
[2] *Universiti Islam Antarabangsa Islam Malaysia*
*norsyamimimohd@ukm.edu.my*

Shaykh Muhammad Idris al-Marbawi (1893-1989) ialah salah seorang ulama Islam dan penulis prolifik yang memberikan sumbangan intelektual yang signifikan kepada umat Islam di Alam Melayu, terutamanya dalam bidang tafsir Al-Quran. Beliau telah menulis beberapa kitab tafsir al-Quran iaitu *Tafsir Qur'an Marbawi: Juzu' Alif Lam Mim, Tafsir Juz 'Amma, Tafsir al-Fatihah, Tafsir Surah Yasin, terjemahan Tafsir Fath al-Qadir, Tafsir Qur'an Ringkas,* dan *Quran Bergantung Makna Melayu*. Karya-karya ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai gaya dan kaedah mentafsir al-Quran yang unik dan berbeza berdasarkan tujuan penghasilan sesuatu karya tafsir. Salah satu karyanya dalam bidang tafsir yang bertajuk *Qur'an Bergantung Makna Melayu* baru didedahkan penemuannya oleh keluarga Shaykh al-Marbawi. Oleh itu, artikel ini dijalankan untuk menganalisis metode tafsir Shaykh al-Marbawi dan pendekatan beliau terhadap isu wanita dalam *Qur'an Bergantung Makna Melayu*. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul melalui analisis dokumen terhadap *Qur'an Bergantung Makna Melayu* dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa metode tafsir yang diaplikasikan oleh Shaykh al-Marbawi dalam *Qur'an Bergantung Makna Melayu* adalah selaras dengan metode tafsir yang diaplikasikan oleh pentafsir al-Quran lain iaitu berdasarkan *tafsir bi ma'thur* and *tafsir bi ra'y.* Selain itu, beliau didapati memberi perhatian terhadap isu-isu wanita apabila menjelaskan ayat-ayat al-Quran tertentu contohnya hak istimewa sebagai isteri, hak untuk memiliki harta sendiri, dan hak untuk mengambil bahagian dalam ekonomi. Implikasi kajian menunjukkan bahawa *Qur'an Bergantung Makna Melayu* adalah tafsiran yang sahih dan mengandungi nilai tambah baru kepada tafsiran al-Quran yang sesuai dengan keadaan masyarakat Melayu pada zamannya dan masih relevan sehingga sekarang.
Kata kunci: Idris al-Marbawi, Isu Wanita, Manuskrip Melayu, Tafsir Melayu, Tafsir al-Quran

37

**Teras Utama Domain Afektif Untuk Pembelajaran Bermakna Dalam Pendidikan Islam**

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi[1], Mahfuzah Mohammed Zabidi[2], Norhapizah Mohd Burhan[3], Nur Syazwani Othman[4]

[1] *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia*

[2] *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia*

[3] *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Pahang, Malaysia*

[4] *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia*

Pendidikan dalam Islam bertujuan memenuhi tuntutan hidup manusia dan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Ia meliputi ketiga-tiga domain manusia iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Taksonomi Bloom yang sering digunakan dalam dunia pendidikan sekarang sebenarnya lebih memberi fokus kepada domain kognitif. Pun begitu, domain afektif yang melibatkan aspek kejiwaan dan perasaan juga tidak kurang pentingnya. Domain afektif menjadi faktor penting wujudnya pembelajaran bermakna dan kehidupan sejahtera. Kajian kualitatif secara analisis kandungan ini memfokuskan penulisan tentang domain afektif dan pembelajaran bermakna dalam pendidikan. Teras utama bagi domain afektif ditentukan dengan melihat komponen domain afektif yang paling lazim iaitu nilai, emosi, motivasi dan sikap. Dapatan kajian menunjukkan teras utama domain afektif melibatkan keilmuan dan pandangan alam, fitrah dan kesedaran bertuhan, kemanusiaan dan kasih sayang, fokus keakhiratan dan penyucian hati yang membabitkan amalan tafakkur dan tazakkur sebagai teras unggul dalam pembinaan insan yang holistik.
Kata Kunci: Domain afektif, Akhlak dan Tasawuf, Pendidikan Islam, Lataif Quraniyah, Pendidikan Nilai

38

**Metodologi Penyampai Kuliah Tafsir Ibnu Kathir di Masjid-Masjid Negeri Johor**

Muhammad Hasif bin Mohamad, Abdul Hafiz bin Abdullah
*Universiti Teknologi Malaysia*
*Hasif96@graduate.utm.my*

Terdapat segelintir penyampai kuliah Tafsir Ibnu Kathir di masjid-masjid yang hanya membaca kitab terjemahan tersebut tanpa membuat sebarang penambahan ulasan dan huraian. Malah, terdapat penyampai kuliah tafsir yang tidak menitikberatkan manhaj penafsiran al-Quran dengan cara al-tafsir bi al-Ma'thur. Kajian terhadap metodologi yang digunakan oleh penyampai kuliah Tafsir Ibnu Kathir di Negeri Johor merupakan antara objektif utama kajian ini. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian kualitatif (kepustakaan) dengan memberi penekanan kepada kaedah temu bual, permerhatian ikut serta (observasi) dan analisis dokumen. Kajian ini telah dijalankan di dua buah masjid di Negeri Johor; Masjid Sungai Abong di Daerah Muar dan Masjid Daing Abdul Rahman Nusa Idaman di Iskandar Puteri, Johor. Sepanjang pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa penyampai kuliah Tafsir Ibnu Kathir ini telah membawa masuk contoh-contoh dan isu-isu semasa yang sesuai dengan persekitaran para pendengar kuliah yang bertujuan untuk membawa mereka lebih "dekat" dengan ayat-ayat suci al-Quran. Penyampai kuliah Tafsir Ibnu Kathir di kedua-dua masjid juga ada menggunakan cerita dongeng (isra'iliyat) untuk diambil sebagai pengajaran dan mengguna pakai metode tafsir bi al-Ra'yi untuk digunakan sebagai perbandingan. Di akhir kajian ini, penyelidik telah mengutarakan beberapa cadangan ke arah penambahbaikan kuliah Tafsir Ibnu Kathir di masjid-masjid Negeri Johor.
Kata Kunci: metodologi; penyampai kuliah; Tafsir Ibnu Kathir; masjid

39

**Hak Pengasuhan dan Perlindungan Anak: Sebuah Relasi Kesetaraan Orang Tua dan Anak Perspektif Qs. Al-Isra' Ayat 24**

Ainiyatul Latifah
*Universitas Indonesia*
*ainiyalatifa02@gmail.com*

Al-Qur'an secara jelas dan tegas memberi petunjuk tentang pentingnya pengasuhan dan perlindungan anak. Meskipun demikian hubungan orang tua dan anak dalam pengasuhan masih sering terjadi perselisihan. QS. Al-Isra' ayat 24 menjadi sumber otoritatif utama untuk melegitimasi kewajipan bagi anak agar berbakti dan tidak menyakiti orang tua sedikit pun baik secara fizik mahupun verbal. Aspek penting yang terlewat dari pemahaman dan penafsiran terhadap QS. Al-Isra' ayat 24 adalah pengasuhan yang wajib dipenuhi terlebih dahulu oleh orang tua pada masa kecil anak sebagaimana akhir kalimat dari ayat tersebut, "sebagaimana mereka mengasuhku di saat aku kecil". Pengasuhan yang tidak dimaknai dengan kelembutan dan perhatian terhadap anak berpotensi menyulitkan anak untuk memahami keteladanan dan panutan sehingga anak kehilangan empati dan perasaan dalam pengasuhan. Kondisi ini berimplikasi pada sikap anak ketika memperoleh kewajipan berbakti kepada orangtua ketika dewasa. Melalui penelitian ini, penulis mengkaji ketersalingan antara orang tua dan anak dalam kewajipan dan hak pengasuhan berdasarkan QS. Al-Isra' ayat 24. Penelitian ini bersifat kualitatif dan tergolong studi kepustakaan dengan sumber utama QS. Al-Isra' ayat 24. Analisis data diperoleh melalui sumber yang beragam seperti karya tafsir, kitab hadits, jurnal, dan artikel yang relevan dengan prinsip pengasuhan dan perlindungan anak dari perspektif Islam. Studi ini menyimpulkan bahawa pengasuhan dan perlindungan yang ideal adalah pengasuhan dan perlindungan yang setara antara orang tua dan

anak. Hubungan timbal balik ini dibentuk melalui panutan dan keteladanan yang diterapkan dalam pengasuhan orang tua terhadap anaknya.
Kata Kunci: Al-Isra' 24; pengasuhan; perlindungan anak; dan kesetaraan.

40

**Mentransformasi Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian al-Quran dan al-Sunnah di Malaysia: Cabaran dan Keperluan**

Najah Nadiah Amran[1], Haziyah Hussin[1], Burhan Che Daud[2]
*[1]Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor*
*[2]Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, MALAYSIA*
*najah@ukm.edu.my*

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pengajian Islam dianggap kurang berinovasi dengan trend pembelajaran dan perkembangan pendidikan moden kerana ingin mengekalkan elemen-elemen tradisi. Justeru, pengajar-pengajar dalam bidang tersebut sering dianggap ketinggalan dan enggan berubah dengan rentak baharu. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada tanggapan tersebut? Sejauh manakah ada keperluan dalam membuat perubahan dalam PdP bidang itu khususnya Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah? Makalah ini bertujuan meneroka faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya persepsi yang dijelaskan sehingga pengajar dalam bidang Pengajian Islam secara umum dan al-Quran dan al-Sunnah secara khusus harus melakukan perubahan agar mereka kekal relevan bahkan bidang tersebut terus mendapat permintaan tinggi dan termasuklah menyumbang kepada kenaikan peratus kebolehpasaran graduan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif bersifat penerokaan. Kaedah yang digunakan melibatkan kajian perpustakaan dengan menganalisa secara tekstual dan kontekstual data-data yang diperolehi dari kajian lepas. Berasaskan data yang dikumpul, tema-tema perbincangan dibina dan dibahagikan kepada empat. Kajian mendapati terdapat keperluan signifikan bagi pensyarah atau pengajar melakukan perubahan dalam beberapa aspek bagi menangani cabaran Islam semasa dan pasaran kerja, faktor perkembangan korpus ilmu Islam yang semakin dinamik, memenuhi hasrat universiti, kementerian pengajian tinggi dan bakal majikan serta penggunaan teknologi sebagai alat bantu pembelajaran yang semakin optimum. Oleh itu, kajian mencadangkan agar satu anjakan paradigma dalam kalangan pensyarah disemai. Pada masa yang sama satu model pengajaran dan pembelajaran transformatif bagi Program Pengajian al-Quran dan hadis berasaskan Kerangka EXCEL secara terperinci dan konprehensif dibangunkan di institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.
Kata Kunci: Inovasi Pendidikan; Pengajaran Transformatif; Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah; Pengajian Islam di Malaysia

41

**Analisis Hadith *Fiqh Al-Bi'ah* Dalam *Al-Kutub Al-Tis'ah* dan Aplikasinya Menurut Perspektif *Maqasid Al-Sunnah***

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Ishak Suliaman, Norazam Khair Mohd Ithnin
*Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*
*dzuldzulraidi@gmail.com*

*Fiqh al-Bi'ah* merupakan manifestasi konsep penjagaan alam sekitar yang telah diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW sejak 1400 tahun yang lalu akan tetapi pemisahan antara sains dan agama yang menyebabkan pengabaian antara 'betul' dan 'salah' telah menyumbang kepada kerosakan etika manusia terhadap alam sekitar. Kajian ini mengkaji korpus teks hadith *Fiqh al-Bi'ah* sebagaimana

terdapat dalam *al-Kutub al-Tis'ah*. Analisis kritikal ini mengkaji kandungan dan aplikasi hadih-hadith, meneroka kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip *Maqasid al-Sunnah*. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan mengaplikasikan metod dokumentasi sebagai pengumpulan data dan metod analisis kandungan sebagai analisis data. Didapati terdapat 40 hadith berkaitan *Fiqh al-Bi'ah* dalam *al-Kutub al-Tis'ah* di mana mereka boleh dibahagikan kepada empat tema iaitu air, bumi, haiwan, tumbuhan, dan gaya hidup manusia. Semua hadith ini kemudiannya disusun berdasarkan prinsip-prinsip untuk membentuk kerangka teori *Fiqh al-Bi'ah* selaras dengan *Maqasid al-Sunnah*. Dalam cahaya *Maqasid al-Sunnah*, ia mengisyaratkan bahawa pembangunan penjagaan alam sekitar harus selaras dengan prinsip-prinsip dan pelaksanaannya yang diperkenalkan oleh Nabi SAW dan para sahabatnya RA.
Kata Kunci: *Fiqh al-bi'ah*; *al-Kutub al-Tis'ah*; *Maqasid al-Sunnah*; aplikasi; alam sekitar

42

**Kesan Pendayagunaan Telegram Dalam Model Tasmik j-QAF Bagi Murid Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan Panchor**

Maizatul Akmal Atan, Norsyamimi Mohd
*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunah, Fakulti Pengajian Islam,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*P121223@siswa.ukm.edu.my*

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan salah satu model pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran iaitu Model Tasmik di bawah program j-QAF pada tahun 2004. Tujuan Model Tasmik diperkenalkan ialah untuk membimbing dan merekod perkembangan Iqra' dan bacaan al-Quran murid secara individu bagi membolehkan mereka khatam al-Quran semasa berada di sekolah rendah. Model ini mendapat respon yang baik daripada pelbagai peringkat namun penghayatan al-Quran yang ditonjolkan dalam kalangan murid amat meresahkan lantaran mereka tidak tahu matlamat dan tujuan model ini. Apatah lagi, masih ada murid yang tidak mengenal huruf *hijā'iyyah* dengan baik. Rata-rata penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid hanya di sekitar kawasan sekolah. Apabila mereka kembali ke rumah, ada segelintir murid tidak acuh terhadap pembacaan al-Quran. Oleh yang demikian, pendekatan tasmik yang dilaksanakan di dalam bilik darjah diperluaskan dengan penggunaan aplikasi Telegram sebagai m-pembelajaran bagi merealisasikan objektif yang terkandung dalam Model Tasmik. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah menganalisis kesan pendayagunaan telegram dalam Model Tasmik j-QAF bagi murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Panchor. Kajian ini dilakukan menggunakan reka bentuk kajian ekperimen yang melibatkan 30 orang murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Panchor, Seremban yang dipilih rawak bertujuan. Data kajian dikumpul menggunakan borang penilaian bacaan al-Quran dan seterusnya dianalisis secara teknik statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendayagunaan telegram dalam Model Tasmik j-QAF dapat membantu meningkatkan bacaan tasmik murid dan menjadi salah satu wadah latihan pengukuhan bacaan al-Quran. Hal ini secara tidak langsung dapat menangani masalah murid yang keciciran dalam pembacaan al-Quran di sekolah sekaligus dapat membantu memudahkan guru Pendidikan Islam dalam melaporkan penilaian e-Pelaporan j-QAF.
Kata Kunci: Model Tasmik, j-QAF, inovasi PdP, pendayagunaan, Telegram

43

**Pentakrifan Kemiskinan Haid Menurut Perspektif Islam**

Nurul Suhaida Ibrahim, Latifah Abdul Majid
*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor*
*nsuhaidaibrahim@gmail.com*

Kemiskinan haid merupakan isu hangat sedang diperkatakan sama ada di media massa atau di media elektronik. Kemiskinan haid adalah terjemahan kepada terma '*period poverty*' yang merujuk kepada kekangan dalam menguruskan haid yang melibatkan beberapa faktor utama. Antaranya ialah kekangan kewangan untuk membeli produk haid, kekurangan ilmu pengetahuan berkaitan haid, tidak memiliki prasarana yang baik untuk urus bahan buangan haid dan tiada ruang privasi untuk mengurus haid dengan bermaruah. Isu pengurusan haid ini merupakan satu isu yang serius kerana ia melibatkan kebersihan diri dan ibadah seseorang muslim. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti definisi sebenar kemiskinan haid menurut perspektif Islam dengan melihat pandangan sarjana Islam merujuk kepada penulisan para sarjana dalam bidang fiqh Islam silam dan kontemporari yang berlandaskan dalil-dalil syar'i bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual pakar bagi mengumpul data tentang kemiskinan haid menurut perspektif Islam. Berasaskan interpretasi al-Quran dan al-Hadis maka definisi kemiskinan haid menurut perspektif Islam telah berhasil. Kemiskinan haid menurut perspektif Islam memberi maksud wanita yang mengalami halangan untuk memenuhi keperluan membersihkan diri disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan berkenaan haid dan hukum, kekurangan kewangan serta mengalami kesukaran mengurus haid dengan bermaruah.
Kata Kunci: Kemiskinan Haid, Pengurusan Haid, Perspektif Islam

44

**Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Dalam Pengajian Tafsir dan Hadis Bagi Mendepani Pendidikan Abad Ke 21**

Haziyah Hussin, Najah Nadiah Amran
*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*haziyah@ukm.edu.my*

Pentaksiran alternatif merujuk pelbagai bentuk penilaian selain peperiksaan akhir, yang digunakan untuk mengukur keupayaan dan kemahiran pelajar dalam melaksanakan tugas-tugas kompleks yang berkaitan dengan hasil pembelajaran yang dimaksudkan. Kesahan dan kebolehpercayaannya untuk mengukur penguasaan pelajar dalam konteks pengajian Islam menjadi polemik yang belum berkesudahan. Pengamalan kaedah ini semasa pandemik COVID 19 berlaku secara menyeluruh dalam program ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun begitu, sebaik sahaja endemik ini berakhir, sebahagian kursus kembali melaksanakan pentaksiran konvensional. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengetengahkan potensi dan keperluan perlaksanaan pelbagai kaedah pentaksiran alternatif dalam pengajian tafsir dan hadis bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran kursus. Reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan daripada analisis kepustakaan termasuk dokumen proforma kursus dan rubrik pentaksiran. Data ini kemudiannya, dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian. Dapatan menunjukkan antara kaedah pentaksiran yang digunakan dalam pengajian tafsir dan hadis ialah laporan sorotan literatur, kuiz dalam talian, ujian berbentuk buka buku, esei dan pembentangan bergrafik dalam talian. Bagi menangani isu kebolehpercayaan, rubrik dibangunkan

dan digunakan untuk menilai dan menentukan skor bagi tugas pentaksiran atau hasil pembelajaran. Tuntasnya, pentaksiran alternatif dapat menilai kebolehan dan pencapaian pelajar secara holistik dan auntentik dalam aspek pengetahuan dan kemahiran, bukan semata-mata berdasarkan aspek penguasaan pengetahuan atau pengukuran semasa peperiksaan. Perlaksanaannya perlu ditambah baik bagi menjamin kualiti pentaksiran malah suatu model pentaksiran alternatif khusus bagi pengajian al-Quran dan tafsir wajar dibangunkan dalam jangka masa yang panjang.
Kata kunci: Autentik, Pengukuran, Pentaksiran Alternatif, Pendidikan Abad 21, Kognitif

45

**Penggunaan Kaedah Muyassar Sebagai Alternatif Dalam Pengajaran Al-Quran Terhadap Orang Kurang Upaya Pendengaran**

Hamdi Ishak
*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*hamdi@ukm.edu.my*

Setiap individu Muslim dituntut untuk mempelajari dan membaca al-Quran. Tuntutan ini tidak terlepas tanggungjawabnya termasuklah golongan orang kurang upaya pendengaran. Namun begitu, golongan orang kurang upaya pendengaran mengalami kesukaran dalam pembelajaran kerana mengalami masalah persekitaran dan suasana pembelajaran yang berbeza dengan kanak-kanak tipikal yang lain. Terdapat berbagai kaedah membaca al-Quran telah diperkenalan dan dilaksanakan bagi membantu golongan dalam pembacaan al-Quran. Kertas ini bertujuan memperkenalkan satu modul asas bagi pengajaran al-Quran kepada orang kurang upaya pendengaran. Modul ini telah diperkenalkan bagi menguji kebolehgunaan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. Dapatan menunjukkan murid berjaya membaca al-Quran dengan cepat, kaedah muyassar lebih ringkas dan memudahkan murid membaca al-Quran berbanding kaedah lama.
Kata Kunci: kaedah Muyassar, kurang upaya pendengaran, kaedah membaca al-Quran.

46

**Kaedah Pembelajaran Al-Qur'an Untuk Kanak-Kanak**

*Mohd Shabri Yusof & Mohd Nazri bin Ahmad*
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*msy@ukm.edu.my*

Pembelajaran al-Qur'an kepada kanak kanak adalah merupakan warisan yang umat Islam warisi sejak berzaman lamanya bermula pada waktu penurunan al-Qur'an lagi. Ini dapat dilihat dalam pelbagai nas hadith, riwayat para sahabat dan generasi selepasnya sama ada melalui karya-karya kitab sejarah, kurikulum Pendidikan dan program-program pengajian al-Qur'an yang menunjukkan kesinambungan pembelajaran al-Qur'an kepada kanak- kanak sejak zaman dahulu hingga ke hari ini. Oleh kerana perkembangan agama Islam yang merentasi kepelbagaian bangsa, keturunan dan geografi, para ilmuan al-Qur'an sering merangka dan mengkaji kaedah yang dilihat berkesan dalam pengajaran al Qur'an kepada kanak-kanak. Semuanya bertujuan membantu kanak-kanak untuk menguasai cara membaca al-Qur'an mengikut gaya bacaan yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Artikel ini bertujuan mengenalpasti kepelbagaian kaedah pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak yang telah rekodkan di dalam pelbagai kajian akademik dan sumber maklumat yang lain yang boleh menjadi nilai tambah kepada guru-guru al-Qur'an yang lain. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kajian berdasarkan sumber artikel,

jurnal ilmiah dan kajian-kajian ilmiah. Hasil kajian mendapati kaedah pembelajaran al-Qur'an kesemuanya bertujuan membantu kanak-kanak menguasai asas dalam pendidikan iaitu kenal, faham dan ingat dengan mempelbagaikan kaedah latihan dan pengulangan. Selain itu, hasil kajian juga mendapati kaedah-kaedah ini juga dilihat masih relevan jika diaplikasikan di dalam kaedah pengajaran al-Qur'an kepada kanak-kanak pada masa ini.
Kata Kunci: Kaedah pembelajaran, kepelbagaian, nilai tambah

47

**Pendekatan Psikologi dalam menangani Kesalahan Remaja berdasarkan Hadis-hadis Rasulullah SAW**

Muhammad Arif Yahya
*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*
*arifyahya@ukm.edu.my*

Remaja adalah golongan yang terdedah dalam melakukan kesalahan kerana kejahilan dan pengalaman hidup yang cetek. Kesalahan yang dilakukan oleh remaja seringkali dijadikan bahan oleh banyak pihak untuk membetulkan kesilapan mereka dengan cara yang salah sehingga meninggalkan kesan negatif dalam proses perubahan terhadap remaja. Oleh kerana itu, diperlukan panduan dan pendekatan dalam menangani kesalahan remaja berasaskan panduan wahyu sebagai ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Kajian ini bertujuan melihat pendekatan psikologi Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan yang dilakukan oleh golongan remaja berdasarkan hadis-hadis bersumberkan Kutub al-Sittah. Metodologi kajian yang digunakan berdasarkan metod kualitatif dengan menganalisis kandungan hadis-hadis yang berkait dengan pendekatan Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan golongan remaja. Karya-karya syuruh hadis digunakan sebagai sumber utama dalam melihat pengajaran dan pemahaman terhadap kandungan hadis khusunya dalam memahami pendekatan psikologi Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan yang dilakukan oleh remaja. Analisis kajian turut dibandingkan dengan teori-teori psikologi moden dan pendekatan Rasulullah SAW dalam menangani kesalahan golongan remaja ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat elemen dan pendekatan psikologi Rasulullah SAW dalam interaksi baginda ketika menangani kesalahan remaja. Perkara ini turut berkait dengan pendekatan dakwah Rasulullah SAW yang dilihat kepada implikasi ketika menangani kesalahan remaja agar pembangunan diri remaja dapat dibentuk dengan baik dan tidak memberi kesan negatif yang lebih buruk.
Kata kunci: menangani kesalahan remaja, pendekatan Rasulullah, aspek psikologi

48

**The Development of Ontology in Hadith Studies: A Bibliometric Analysis**

Ikmal Hafiz Jamal,[1] Siti Fatimah Binti Mohd Tawil,[2] Norzulaili Mohd Ghazali[2]
*[1]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA*
*[1]Islamic Science Institute (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia*
*[2]Faculty of Qur'anic and Sunnah Studies (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia*

In several fields, ontology has received a lot of interest including in Islamic studies. Several attempts have been made by information system developers to apply ontology to Islamic knowledge, particularly to two sacred sources in Islam, Al-Qur'an and hadith. However, among all the research studies, a study that employed the bibliometric technique to offer a baseline for future research on the adaptation of ontology in hadith studies is still missing. Therefore, this bibliometric analysis study is conducted to aid academics who are just beginning in ontology using hadith data-related

studies on which journals and authors to go to for a thorough analysis of this phenomenon. For that purpose, this study utilised the SCOPUS and Web of Science (WoS) databases to quantitatively identify ontology-related studies that use hadith data based on several units of analysis namely, the distribution of publications by year and country, citation counts, and publication focus on the realm of hadith and ontology function. The finding shows that there is a growing interest in exploring the potential of ontologies in this field. It also highlights the concentration of research efforts in Southeast Asia and the Middle East and the importance of international collaborations in this field of study. It implies the potential for further development in the theoretical foundations of hadith ontology.
Keywords: Hadith, Ontology, Bibliometric

49

## Critical Thinking Elements in The Prophetic Discourse

Husna Mardiah binti Mohamed Radzi, Mhd Faizal bin Mhd Ramli, Asniah binti Alias
*National Defence University of Malaysia*
*husnamardiah0525@gmail.com*

The prophet PBUH pays attention to the truthfulness of information as delivering false information in Islam is a crime. The critical thinking movement began in the life of the Muslim since the life of the Prophet PBUH. The combination of emotional and rational are two important aspects used by the Prophet PBUH in educating his people. This aspect has made the prophetic discourse in accordance with the current needs and situation. Therefore, this study aims to expose the elements of critical thinking in the discourse of the hadith Nabawi. This study uses a descriptive analysis approach through elements of critical thinking based on the Delphi Report, as the basis for this study. Data for this study was collected from the Hadith Forty of Imam Nawawi, especially related to the elements of critical thinking. The results of the study concluded that there are three elements of critical thinking can be found in the backdrop from prophetic discourse; interpretation, reference and explanation. The most important indicator taken by the researcher is that a preacher or teacher must use various methods and means in his teaching to achieve his goals.
Keywords: Rasulullah S.A.W; Critical thinking; Forty Hadith of Imam Nawawi; Descriptive analysis

50

## Divine and Human Aspect in The Prophet and Its Implication on The Understanding of Hadith

Andi Rahman
*PTIQ University, Researcher on Quranic Studies and Exegesis Association (AIAT Se-Indonesia) and Hadith Sciences Association (ASILHA)*

This article reviews the prophetic and human aspects inherent in the Prophet Muhammad and their implications for the shari'a (Islamic law and teachings). The Holy Quran states that the Prophet Muhammad was a human being like us but he received revelations. Everything that is associated with the Prophet Muhammad, which we usually call hadith, may or may not contain shari'a, depending on which aspect is the source of the hadith. This article reinforces the consensus among muslim scholars that some hadith is contain shari’a and some does not contain it. Modern muslim scholars such as Mahmud Shaltut, Muhammad al-‘Arusi, and Muhammad al-Qaradhawi have specifically discussed this theme. This article also offers features that can be used in determining whether a hadith contains shari'a or not. This research is qualitative in nature, in which the data and analysis carried out are all based on books and literature.
Keywords: shari’a, revelation, *khushushiyat*

51

**Manuscripts of Qur'anic Mushaf in The Malay World: Codicology Analysis of SNU Museum Collection, Riau Province, Indonesia**

Khairunnas Jamal, Afriadi Putra, Afrizal Nur, Lukmanul Hakim, Muhammad Yasir, Agus Firdaus Chandra, Naufal Akram, Wendy Hermawan
*Faculty of Ushuluddin, State Islamic University Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia*
*khairunnas.jamal@uin-suska.ac.id*

The Al-Qur'an mushaf has been copied throughout the archipelago from the end of the 13th century. The oldest manuscript is said to be in the collection of William Masrsden in the Netherlands. One of the Malay regions with one of the largest collections of Al-Qur'an Mushaf manuscripts is the Riau Province. Research conducted in 2014 revealed the existence of 65 antiquated manuscripts, which are kept in Islamic boarding schools, suluks, and former kingdom regions like Kampar, Siak, Indragiri Hilir, and other regencies. The Sang Nila Utama Museum in Riau Province is home to the majority of these manuscripts in its collection. The Al-Qur'an Mushaf manuscripts in the Malay world, particularly those in the Sang Nila Utama Museum's collection in Riau Province, served as the basis for this qualitative study's database. The information was gathered through the use of documentation, interviews, and observational methods. Following data collection, the data were evaluated utilizing data reduction techniques, data descriptions, and conclusion-making. According to the study's findings, the Al-Qur'an Mushaf manuscripts were generally in good form and simple to read, but there were only a small number of full manuscripts, and the remaining ones had numerous missing pieces. The Al-Qur'an Mushaf manuscripts in Riau Province are deserving of reading and investigation, according to the philological aspect, in this instance the codicological study that was employed as an analysis in investigating these manuscripts. European paper was typically used for stationery; only one piece had a propatria watermark and was made of daluang. Arabic writing and crimson rubrics were utilized on the manuscripts. When writing Qur'anic interpretations, red rubrics were employed to indicate the beginning of a letter, a juz, a sign ruku', sumun', and rubu', as well as to distinguish between verses and interpretations.
Keywords: manuscript of Qur’anic mushaf, SNU museum, codicology

52

**Higher Order Thinking Skills (HOTs): Illuminating the Path in Tahfiz Integrated Curriculum**

Nur Syuhada Mohd Ataa, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad
*Research Centre of al-Quran and al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*
*faizam@ukm.edu.my*

The Ministry of Education Malaysia (MOE) has implemented the Higher Order Thinking Skills (HOTs) concept with the objective of empowering students to face rising global competition. The application of HOTs is not limited to the national subjects included in the Secondary School Standard Curriculum (KSSM), but also extends to the Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). The present article examines the notion of HOTs within the latest educational framework in Malaysia, as outlined in the Malaysian Education Blueprint (PPPM) 2013-2025. Research on the difficulties associated with the integration of HOTs into the subject of Hifz al-Quran is limited in scope and depth. The significance of advanced cognitive skills, as per Bloom's Revised Taxonomy, in KBT for Hifz al-Quran has been brought into question by the adoption of the notion of HOTs from Bloom's

Revised Taxonomy framework. Past studies have identified and categorized the challenges and issues associated with the implementation of HOTs in KBT into three distinct categories.
Keywords: HOTs, thinking skill, MOE, tahfiz integrated curriculum, Bloom's Revised Taxonomy

53
**How The Prophet Empowered the People with Special Needs**

Juliyana Junaidi, Latifah Abdul Majid, Mohd Arif Nazri
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 436000, UKM, Selangor*
*P106344@siswa.ukm.edu.my*

Special needs community refer to those with physical and mental limitations, which generally impact their relatively limited potential. They have been an integral part of society since ancient times, necessitating interactions with other society members. While ancient western societies often devalued and perceived them as burdens, Islam emphasizes values like love, compassion, and justice towards them. Nevertheless, societal stigma and authority ignorance towards this community persist today. This study explores prophetic approaches to empower the special needs community from Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri, the most authoritative book of hadīth. A qualitative method employing document analysis is used. The data collection involves the deductive and descriptive method where it begins from identifying the hadith on special needs community from Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Books of hadīth commentaries and other sources are utilized to analyse the data, including reasons of revelation, the involvement of individuals or parties, as well as the time and location. The findings reveal six prophetic approaches towards the special needs community: consideration for their needs, recognition of their rights to contribute to Allah's ways, comforting them with Allah's rewards, encouraging assistance for them, ensuring their right to perform acts of worship, and providing government protection. These approaches by Prophet Muhammad serve as a moral compass in empowering the special needs community, elevating their status as valued members deserving of respect and capable of contributing to the development of society. In Islam, this condition does not negate their existence as caliphs on earth, along with a set of rights and obligations.
Keywords: special needs in Islam; special needs in sunnah; disable in Islam; special needs in Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri

54
**The Implementation of Isnad Cum Matan Theory Upon Hadith of People Hastening Their Shalat Because of Baby Cry**

Sherina Wijayanti, Siska Sukmawati
*UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia*
*sherinawijayanti2020@gmail.com*

This paper discusses the authentication of hadith people hastening their shalat due to baby cry based on *isnad cum matan* theory. *Isnad cum matan* theory, as the development of sanad studies upon hadith, gathers significant attention from Muslim scholars from the West and East because it successfully breaks the premise of the previous sceptical orientalist. This paper aims to analyze parental hadith by trying to dig for its authenticity using *isnad cum matan* theory. This research focuses on the figure's monumental biography, how the study is there in this theory, and how this theory is implemented to analyze hadith people hastening their shalat due to baby cry. The method used is *library research* with literature review as the approach using *isnad cum matan* theory. This research results first, hadiths with the theme people hastening their shalat due to a baby cry have

various narration chains in which all sanad tend to get *ta'dil tsiqah, shuduq,* and *hasan* matched in Sa'id bin Arubah as the *partial common link*. Second, the result of matan analysis shows that various *lafadz* in matan does not influence the substance of the hadith. Third, the result from analyzing all hadiths shows the descent of Allah's mercies to a mom to keep being able to do pray together even though having a baby with *rukhsah* and the imam hastens the prayer.
Keywords: Orientalist; Isnad cum Matan; Baby cry

55

**The Support of Parents, Teacher, and Friends in Influencing Students' Moral Practice**

Siti Aminah Binti Ahmad, Raikhan Binti Mormin, Zety Azlin Binti Elias, Aminuddin Bin Hehsan, Bushrah Binti Basiron, Ahmad Marzuki Bin Mohamad, Zilal Binti Saari
*Universiti Teknologi Malaysia*
*manjamien@gmail.com*

The demise of morals among students nowadays has become more rampant, and positive actions are needed to address it. This issue requires the utmost attention by related parties to ensure students possess good morals and noble values to be applied in real-life situations within the society. The best education begins with the role and support from parents, teachers and friends by showing the correct moral practice according to Islam religion. Thus, the objective of this paper was to identify the support of parents, teachers and friends in influencing students' moral practice. The survey data were collected from special primary school students in the district of Johor Bahru and analysed using partial least-squares structural equations modeling (PLS-SEM) technique. The key findings show that parents, teachers and friends have influence towards students' moral practice.
Keywords: Moral practice; parents; friends; teacher; school; primary student.

56

**أسس الثبات في القرآن الكريم وثمراته (دراسة موضوعية)**

أ.د. عفاف عبد الغفور حميد
*جامعة برليس الإسلامية (KUIPs)*
*profafaf@kuips.edu.my*

يعد الثباتُ على دين الله وعلى الحق من أخطرِ قضايا العصرِ التي يُعاني منها أكثرُ المسلمين اليوم لكثرة الفتن وانتشار الشبهات والفساد المحاط بهم من كل جانب، حتى أصبح السقوط سهلا والثبات صعبا إلا لمن وفقه الله تعالى، وكل مؤمن وداعية حريص على الثبات مع العزم والإصرار على الدوام والاستمرار في سلوك سبل الخير والاستقامة ما دام حيا، رغم ما يتعرض له في خضم مصارع الحياة وتقلباتها وإغرائها، من أجل أن يلقى الله وهو راض عنه ويفوز بحسن الخاتمة، وهو سبيل الأنبياء والصالحين. وقد وجهنا القرآن الكريم إلى ضرورة الثبات بصيغ مختلفة: الثبات الحسي أو المعنوي، كما حثّنا النبي ρ على اتباع وسائل الثبات وطرقه عند كثرة الفتن، وكما دعا القرآن للإيمان والعمل الصالح، حثّ المؤمنين إلى الثبات على الحق والاستمرار على الطريق القويم، من خلال أسس ومقومات تجعله متيقظا غير مستسلم للغفلة. ولهذا الموضوع أهمية كبيرة في زمن تتجاذب المسلم الأهواء والأفكار والابتلاءات من كل صوب، فكيف يثبت عمليا وليس مجرد القول على ذلك. ويأتي سبب اختيار البحث: في حاجة الإنسان دوما لما يُثبّته فعليا على الحق، وفي حال أن الابتلاء سنة ربانية للفرد والجماعة، فهو أحوج لذلك في عصر تموج به الفتن والانحرافات، وتشدّه المغريات المنحرفة من كل جانب. وهدف البحث هو بيان ما يعتصم به المسلم للحفاظ على الاستقامة والدوام عليها من سبل وأسس جاءت في القرآن الكريم، ودعا اليها بشخص الرسول ρ حيث قال تعالى " فاستقم كما أمرت" هود 112، فالقرآن لا يدعو للحق والاستقامة فقط بل في الثبات عليها بتوفيق من الله من يستحق. واتبع البحث المنهج الاستقرائي التحليلي لنصوص القرآن الكريم، وموضحا لها بسنة النبي ρ، فيما جاء حول الثبات على الإيمان والحق، وما هو ثوابه للفرد والأمة الوسط ليكون الطريق الآمن لتمكينها. وأثبت البحث أهمية الثبات على الحق في مواقف الحياة المتنوعة، مع ضرورة التفريق بين الثبات والمرونة في بعض القضايا والمواقف.

57

**جهود الجمعيات الإسلامية في إندونيسيا في منع تقنين الزواج بين الأديان فيها: بين 1974 – 2023م**

Muhammad Qudwatie, Mohd. Yakub @ Zulkifli bin Mohd. Yusoof, Alihanafiah bin Norasid
*Universiti Malaya*

محاولة تقنين الزواج بين الأديان في إندونيسيا من خلال مراجعة قضائية لقانون الزواج 1974في المحكمة الدستورية والمحكمة العليا ماضيةٌ منذ إصداره، بحجة أنه لا يستوعب حق المواطن في الزواج بين الأديان. ومع ذلك لا تفتؤ الجمعيات الإسلامية تمنع عن سبيل تعديله عن طريق الفتاوى والوصايا والقيام بالشهادة الخبيرية في المحكمة، في الوقت الذي لم تزل بعض المحاكم تخلي سبيل المتزوجين بين الأديان في تشريع علاقتهم مستخدمة الثغرات في قانون الزواج. من ثمرات جهودها، أن يصدر المحكمة العليا خطابا رسميا لها -بعد رفض المحكمة الدستورية لطلب المراجعة الأخير- يمنع القضاة عن عملية تشريع الزواج بين الأديان.

الكلمات المفتاحية: الجمعيات الإسلامية الإندونيسية، التقنين، الزواج بين الأديان

58

**من وجوه إعجاز القرآن الكريم سورة واحدة تتضمن المفردات الأساسية في القرآن**

أ.د. مجاهد مصطفى بهجت
*جامعة برليس الإسلامية (KUIPs)*
*profmujahid@kuips.edu.my*

اتفق علماء المسلمين على إعجاز القرآن الكريم منذ نزوله بعد البعثة النبوية قبل 14 قرنا، بعد التحدي لمن أنزل عليهم ممن بلغلوا الفصاحة والبلاغة ذروتها وقمتها، فلم يتأتى لهم ذلك ولو بسورة من مثله؟!!، وبقي هذا التحدي جيلا بعد جيل إلى الوقت الحاضر، فثبت إعجاز القرآن على الإنس والجن في كل زمان ومكان، وحتى يرث الأرض ومن عليها. وإن كان الإعجاز ثابتاً متفقا عليه، لكن الاختلاف وقع في تحديد طبيعة الإعجاز، ومع تطور مفهوم الإعجاز (استخدم القرآن الآيات ومرادفاتها مثل: البينة، والبينات، والبرهان) إلى السبق والتفوق في لفظه ومعناه، وشكله مضمونه (ارتفاعه إلى مرتبة عالية يعجز البشر عن الإتيان بمثله)، فإن تحديد ذلك يخرج عن الطاقة والقدرة، إذ كيف يمكن لقدرة البشر الحكم على كلام الله خالق البشر؟!، وبقيت جهود العلماء لبيان وجوه الإعجاز مع تطاول الزمان وتطور العقول والأفكار. ويكفي أن نشير إلى بعض المجالات التي ذكرها العلماء مما يخرج عن العد والحصر، فمن ذلك: الإعجاز اللغوي والبياني في النحو والصرف، والفصاحة والبلاغة، والتعبير والأساليب. والإعجاز العلمي والكوني في خلق الإنسان وتكوينه، وخلق الكون وأفلاكه وأجرامه. وخلق الطبيعة برا وبحرا، وما فيهما من حيوان ونبات. والإعجاز الحضاري الفكري في العقيدة والشريعة، والاقتصاد والاجتماع، والثقافة والتربية. والإعجاز الغيبي بذكر حوادث التاريخ السابقة كقصص الأنبياء، والإخبار عن الحاضر في بعض ما وقع في وقت نزول القرآن، والإخبار عن المستقبل فيما جاء برهانه بعد سنوات من نزول القرآن. وهذه الأنواع الثلاثة هي ما نعرضه ضمن المبحث الأول، وسيكون المبحث الثاني عن الوجه الجديد في إعجاز القرآن الكريم وهو تضمن سورة البقرة للمفردات الأساسية في القرآن الكريم. وسبق في الملخص ذكر أهمية البحث، والأهداف، ومشكلة البحث مع سؤالين يجيب عنهما البحث، وتبقى الإشارة إلى الدراسات السابقة في البحث، وهي كثيرة خاصة مما يتصل بموضوع المبحث الأول، وتكفي الإشارة إلى الفهرسة الوصفية لتلك المصادر في كتابين. وفيما يتصل بمعجم المفردات هناك قاموس الألفاظ القرآنية، والدليل الكامل لآيات القرآن الكريم لحسين محمد الشافعي، ومن معاجم الأعلام والموضوعات: معجم الألفاظ والأعلام القرآنية: محمد إسماعيل إبراهيم (1969م)، ولمحمد ألتونجي، وعبد الصبور مرزوق. وأقرب معاجم القرآن إلى معجمنا: المعجم الاشتقاقي المؤصل لألفاظ القرآن الكريم، د. محمد حسن جبل (2010م)، حيث يقدم تفسيرا لمفردات القرآن الكريم خلال الاشتقاق، لأن الاشتقاق هو أكمل الطرق في تعريف مدلولات الألفاظ كما يقول الرازي (الرازي 1/ 37). وقد جاوز عدد مفردات المعجم ألفي مادة لأنه يستوعب مفردات العربية كلّها، وليس المختار الأساسي الذي ورد في معجمنا بحدود 227 مادة، وهي تمثل أكثر من نصف ألفاظ القرآن الكريم، وتعدّ في حد ذاتها ثروة لغوية ثرة؛ تنفع الراغبين في تعلم العربية، وفهم معاني آيات القرآن الكريم.

59

# القراءات القرآنية وأثرها في حفظ المقاصد الاقتصادية

Zayd Thabit Abdulrahman,[1] Mohd Faizulamri Mohd Saad[2], Sabri Mohamad[2]
*[1]Calon PhD, Fakulti Pengajian Islam UKM*
*[2]Pusat Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*

مبعث هذه الورقة العلمية هو الكشف عن أثر القراءات القرآنية في حفظ المقاصد الاقتصادية والمالية تقعيدًا وتأصيلًا وترجيحًا؛ إذ تحدثت القراءات عن سنن الله تعالى في هذه الحياة الدنيا، وأشارت إلى بعض المقاصد الاقتصادية التي تكفل سلامة المجتمعات وتحقق نمائها وازدهارها وتدفع ما ينقصها ويضرها، وحذرت من معصية التعامل بالربا وتعاطيها، حيث نهى الشرع الحنيف وأغلظ العقوبة في التعامل بها والاقتراب منها، وأثبتت القراءات إعجازها في حديثها عن الأثر الذي يحدثه الترف والمترفون وأصحاب المعاصي في إهلاك القرى؛ لذلك تستهدف الورقة تحديد الأطر الرئيسة والأسس العملية في الإجابة عن سؤال رئيس، وعبر خطوط إرشادية ومعايير مرجعية تضبط وتحدد المشكلة من كيفية تحقق الاستنباطات المقاصدية الاقتصادية عند تغاير القراءات القرآنية. استخدم المنهج الوصفي القائم على جمع المادة العلمية مكتبيًا وتوثيقها وتحليلها، وعبر تحقيق منهج الاستقراء للموضوعات ولأقوال الأئمة الأفذاذ، وباعتماد المنهج المقارن في التفسيرات والاستنباطات. النتائج والمعالم الكبرى: رسم الإسلام تصورًا فذًا فريدًا للحياة والإنسان، عبر نظرته الشاملة لشؤونهما المتعدّدة ومنها المال؛ فقد جاءت متناسقة ومتآلفة ومتعاونة على ما توافق الفطرة وترتقي بها في طريق البناء والتقدم، وبين أنه لا علاقة بين حظوظ الناس من المال وإحرازهم للثروة وبين حظهم في الآخرة أو نيلهم رضوان الله تعالى. ولقد أعطت القراءات القرآنية إشارات حول القيم الاقتصادية في استثمار المال وتنظيمه كسبًا وإنفاقًا وانتفاعًا وادخارًا واستثمارًا بعيدًا عن التعاقدات الربوية، ولا سيّما أن موضوع المال واستثماره والتعامل به جاء منظمًا في إطار من القواعد والأحكام الممزوجة بالتوجيهات الربانية، وتحدثت القراءات عن الترف ودوره في إهلاك المجتمعات والحضارات، وأثره في اضطراب المقاييس والقيم والمبادئ.

الكلمات المفتاحية: القراءات، الأثر، المقاصد، الاقتصاد، المال.

# *Sekalung Penghargaan*

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

*Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM*

*Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) UKM*

*Persatuan Intelektual Muslim Malaysia*

*Dewan Bahasa dan Pustaka*

*Lembaga Zakat Negeri Kedah*

*Pertubuhan Ilmu Sunnah Dot. Com.*

*Herbliss (M) Sdn. Bhd.*

*Penerbitan dan Percetakan Abadi Sdn. Bhd.*

Semua pihak yang menjayakan SIWAT-5 secara langsung atau tidak langsung.

# *Penaja Gangsa*

*Pertubuhan Ilmu Sunnah Dot Com*
*No. P5-1, Level P5, Mutiara Anggerik Service Apartment,*
*No. 3, Jalan Tukul Q15/Q, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor*

*Menara Zakat,*
*Jalan Teluk Wan Jah,*
*05200, Alor Setar,*
*Kedah*
Tel: 04-733 1740
Faks : 04-731 6280
Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman | Berzakat Membawa Berkat (zakatkedah.com.my)

# *Penaja Gangsa*

*Herbliss Sdn. Bhd.*
*No 2931, Tingkat Bawah (B Wisma AZCO, Jalan Sultan Yahya Petra, Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan*

**salam@sihate.com**

# *Penaja Percetakan*

*Penerbitan dan Percetakan Abadi, 1st Floor, no 8, Jalan PBS 14/6, Taman Perindustrian Bukit Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor*
*013-9429495*